# Pelita Brunei

DI-TERBITKAN PADA TIAP2 HARI RABU

AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGERI BRUNEI

TAHUN 26 BILANGAN 23 | RABU 10HB JUN, 1981. | رابو 7 شعبان 1401 | PERCHUMA


## D.Y.M.M. DI-JANGKA KORNIAKAN HADIAH PERADUAN KOR'AN SA-NEGERI

**Oleh: Asimah HAR**

BANDAR SERI BEGAWAN. — Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei, Sir Muda Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah di-jangka akan berangkat bagi menyempurnakan penyampaian hadiah2 kapada pemenang2 peraduan membacha Al-Kor'an perengkat negeri pada malam Rabu 24hb Jun ini.

Pertandingan pada tahun ini akan di-langsongkan di-kawasan tanah lapang berhadapan Masjid Omar Ali Saifuddin selama dua malam berturut-turut ia-itu bermula dari 23hb dan 24hb Jun di-sini bermula jam 8.00 malam.

Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Perdana Wazir Sahibol Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohammad Bolkiah akan berangkat bagi menyempurnakan perasmian peraduan tersebut yang akan di-siarkan sa-chara langsong melalui Radio dan Talivishen Brunei.

### Sembilan peserta

Peraduan yang berthemakan "AJARAN2 AL-KOR'AN ASAS KEBAHAGIAAN" itu akan di-sertai oleh sembilan orang peserta—lima orang qari dan empat orang qariah.

Qari2 tersebut ia-lah Awang Haji Mohd. Yusof bin Abu Bakar, Awang Hj Damit bin Haji Kawang, Awang Nordin bin Haji Arshad, Awang Daud bin Abd Kadir dan Awang Wasli bin Hj. Abu Bakar. Sementara peserta2 qariah terdiri dari Dayang Zainab binte Haji Mohd. Salleh, Dayang Hajjah Siti Ara binte Haji Idris, Dk. Saadiah bte Pengiran Haji Tuah dan Dk Salbiah bte Pengiran Mat Salleh.

Peraduan malam itu juga akan di-serikan dengan satu sharahan khas yang akan di-sampaikan oleh Pegawai Ugama Kanan, Awg Hj Mohd Amin bin Pehin Datu Pekerma Dewa Haji Abd Rahim serta beberapa persembahan nashid.

### Pembinaan astaka

Pengetua Pegawai Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Ratna Diraja Dato Seri Utama Awang Haji Mohd. Zain bin Haji Seruddin, selaku pengerusi akan memberikan uchapan pada malam itu.

Kerja2 pembinaan sabuah astaka, di-mana peraduan itu akan di-adakan, kini sedang berjalan dengan lanchar.

Bentok astaka yang melambangkan unsor ke-Islaman itu di-reka oleh

Lihat muka 18

### Manis-nya Iman

"ORANG yang paling berjasa di-antara kamu ia-lah orang yang belajar Al-Kor'an dan mengajarkan-nya." — HADITH Nabi riwayat Al-Bukhari daripada Sayidina 'Othman bin 'Affan.

# DYMM DI-LONDON

LONDON—Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan yang kini sedang berada di-United Kingdom telah mengadakan lawatan2 muhibbah ka-Pejabat2 Kementerian di-sana.

Baginda juga akan berangkat mengunjongi Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Queen di-Istana Buckingham dan juga Perdana Menteri Puan Margaret Thatcher, Setiausaha Negeri Bagi Hal Ehwal Luar dan Kommonwel, Lord Carrington dan Tuan Peter Blaker yang sekarang telah menjadi Menteri Negara bagi pertahanan.

Baginda di-temani oleh dua orang adinda Baginda, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Perdana Wazir Sahibol Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohd. Bolkiah dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Digadong Sahibol Mal Pengiran Muda Jefri Bolkiah serta Pegawai2 Kanan Kerajaan.

### Asrama Brunei

Pada Jumaat lalu, 5hb. Jun 81, Baginda dan rombongan Diraja telah berangkat mengunjongi Pejabat Wakil Kerajaan Brunei dan Asrama Brunei di-London.

Keberangkatan Baginda dan rombongan ka-Rumah Brunei telah di-alu2kan oleh Wakil Kerajaan Brunei di-sana, Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Datu Patinggi Maha Kornia Diraja Dato Laila Utama Sir Dennis White.

Di-sana Baginda telah di-junjong berangkat ka-beberapa bahagian pejabat itu. Sa-belum mengakhiri lawatan, Baginda telah menandatangani Buku Pelawat2 di-pejabat tersebut.

Baginda Yang Dipertuan dan rombongan kemudian berangkat mengunjongi Asrama Brunei. Keberangkatan Baginda telah di-alu2kan oleh Penjaga Asrama tersebut, Awang

Lihat muka 18



SETIA Usaha Kerajaan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Aziz (kiri dalam gambar) kelihatan sedang bersalaman dengan Ketua Kampong Selangan, Awang Badas bin Kemaruddin dalam satu majlis ramah mesra dan makan tengah hari dengan ketua2 jabatan kerajaan, penghulu2 dan ketua2 kampong yang telah di-adakan di-rumah kediaman Pegawai Daerah Temburong, Awang Haji Zakaria bin Haji Jeneh.

Majlis tersebut yang di-adakan pada hari Ahad, 31hb Mei yang lalu, merupakan salah satu achara tidak rasmi dalam rangka kunjongan Yang Berhormat ka-Daerah Temburong kerana jemputan untok merasmikan Peraduan Membacha Al-Kor'an dan Menghafaz ayat2 lazim saudara2 baru seluroh negeri yang telah berlangsong pada malam itu, di-Dewan Kemasharakatan, Pekan Bangar.

## Ketetapan tambang menunaikan haji

BANDAR SERI BEGAWAN.— Bahagian Urusan Haji, Jabatan Hal Ehwal Ugama di-sini telah mengumomkan harga tambang bagi mereka yang berhajat untok menunaikan fardhu haji tahun ini. Tambang2 tersebut telah di-tentukan saperti berikut:

Tambang bagi orang2 dewasa ia-lah $2,700.00, tambang bagi kanak2 yang berumor antara tiga hingga 12 tahun pula ia-lah $1,350.00, manakala tambang bagi kanak2 yang berumor di-bawah tiga tahun berharga $270.00. Tambang yang telah di-tentukan ada-lah termasok bayaran Chukai Kerajaan Saudi Arabia tetapi tidak termasok bagi mendapatkan visa.

### Pembayaran

Bakal2 haji Daerah Brunei-Muara yang mempunya bilangan pendaftaran dari 401 hingga 550, adalah di-kehendaki berbuat demikian hari ini, 10hb Jun, sementara esok, 11hb Jun, bagi mereka yang berdaftar dari bilangan 551 hingga 700.

Sementara itu, bakal haji yang angka pendaftaran-nya dari bilangan 701 hingga 800 ada-lah di-kehendaki menjelaskan tambang mereka pada hari Isnin, 15hb Jun, 1981 manakala bagi mereka yang mendaftar dari bilangan 801 hingga 950, boleh-lah berbuat demikian pada hari Selasa, 16hb Jun.

Bakal2 haji dari Daerah Brunei-Muara yang bilangan pendaftaran-nya dari 951 hingga 1,100 pula ada-lah di-kehendaki menjelaskan tambang pada 17hb Jun ini, 18hb Jun bagi mereka yang mendaftar dari bilangan 1,101 hinga 1,250, 20hb Jun bagi

Lihat muka 18

### DALAM SA-MINGGU

### Mashuarat j-kuasa

KUALA BELAIT.—Satu mashuarat bagi melantek sa-buah jawatankuasa tertinggi sempena Sambutan Hari Keputeraan Kebawah DYMM kali ke-35 tahun bagi Daerah Belait telah di-adakan di-Dewan Bandaran di-sini pada hari Sabtu lalu.

Mashuarat tersebut telah di-pengerusikan oleh Pegawai Daerah Belait, Pengiran Idriss bin Pengiran Temanggong Sahibol Bahar Pengiran Haji Mohammad yang juga telah di-pileh selaku pengerusi jawatankuasa perayaan daerah tersebut. Penolong Pegawai Daerah, Awang Kassim bin Haji Johan di-pileh sa-bagai timbalan pengerusi sementara Pengiran Sallehuddin bin Pengiran Haji Yusof, Pegawai Pentadbir di-pileh sa-bagai Setia Usaha Agong-nya.

### Minggu Kerja

BANDAR SERI BEGAWAN. — Persatuan Pengakap Daerah Brunei-Muara telah mengadakan projek minggu kerja baru2 ini. Projek tahunan itu telah bermula pada hari Jumaat yang bertujuan untok mengembangkan lagi keupayaan anggota2 pengakap mengendalikan beberapa pekerjaan kebajikan. Hasil2 dari kutipan minggu kerja itu akan di-sumbangkan kapada tabong persatuan tersebut.

### Kuliah Ugama

KUALA BELAIT—Satu majlis kuliah ugama bagi belia telah di-adakan pada minggu lalu bertempat di-Masjid Muhammad Jamalul Alam di-sini. Satu sharahan khas mengenai kesedaran belia Islam telah di-sampaikan oleh Pengetua Pegawai Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Ratna Diraja Dato Seri Utama Awang Haji Mohd Zain bin Haji Seruddin. Kira2 100 orang umat Islam di-sekitar pekan itu telah menghadhiri-nya.

### Perjumpaan

BANDAR SERI BEGAWAN. — Bahagian Talivishen Pendidekan — TVP, Radio Talivishen Brunei, akan mengadakan beberapa siri perjumpaan dengan guru2 besar dan guru2 sekolah2 di-seluroh negeri.

Perjumpaan tersebut ia-lah bagi menerangkan kapada guru2 sekolah2 yang berkenaan tentang tujuan TVP serta bertukar2 pendapat dengan mereka.

Perjumpaan pertama telah di-adakan di-Sekolah Melayu Pusar Ulak untok guru2 sekolah di-Daerah Brunei-Muara.

Pelita Brunei
DI-TERBITKAN PADA TIAP2 HARI RABU
AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGERI BRUNEI

10HB JUN, 1981

*Dengan nama Allah yang pemurah dan maha penyayang*

# MASAALAH MEROSOT-NYA HASIL PADI TEMPATAN

SA-JAUH ini kebanyakan diri kita chuma mampu menyuarakan tentang kurang-nya keupayaan negara untok mengeluarkan hasil padi sendiri dan rata2 di-antara kita berkeinginan agar bekalan beras negara dapat di-ladani sendiri dari hasil bumi sendiri. Ramai di-antara kita mengharapkan agar pada satu waktu nanti, kita tidak lagi mengharapkan beras yang di-bawa masok dari luar.

Keinginan untok menekmati hasil usaha sendiri itu memang-lah menjadi tujuan dalam apa pun keperluan2 yang di-pentingkan, kerana kita akan lebeh merasakan selesa jika semua yang di-perlukan oleh sendiri itu dapat di-hasilkan oleh kita sendiri.

Tetapi sa-jauh mana-kah kita dapat menyumbangkan daya fikir dan tenaga kita untok menuju dan menekmati keinginan yang demikian itu ? Apa-kah bijak bagi kita selaku raayat dan pendudok itu akan merasa berpuas-hati dengan hanya bertumpu kapada usaha2 Kerajaan semata2 tanpa memikirkan penglibatan kita sa-bagai tenaga dan pengusaha-nya ? Apakah keupayaan raayat dan pendudok tidak akan terchabar jika sektor2 asing meneroka bumi ini untok perusahaan menanam padi bagi bekalan beras yang kita makan sa-tiap hari ?

## Antara sebab2-nya

Perhatian raayat dan pendudok terhadap penanaman padi di-negeri ini ada-lah semakin merosot sa-hingga ka-tahap yang membimbangkan dan di-khuatiri akan terus menurun dan menghilang.

Dato Hamid bin Ja'afar, Pengarah Pertanian telah membentangkan perangkaan merosot-nya keluasan penanaman padi di-seluroh negeri. Dalam tahun 1970an, kita mempunyai keluasan kira2 sembilan ribu ekar, tetapi kini hanya tinggal kira2 enam ribu ekar sahaja. Kurang-nya keluasan sa-banyak tiga ribu ekar itu di-sifatkan oleh beliau sa-bagai menjadi masaalah besar dan keadaan itu berlaku ada-lah berpuncha dari beberapa faktor.

Antara-nya ia-lah penghijrahan pendudok2 desa ka-bandar2 untok menchari pekerjaan; ke-engganan anak2 muda untok mewarisi tugas2 ibu bapa mereka di-sawah; dan, pemajuan perusahaan2 bukan pertanian yang menyebabkan berlaku-nya penukaran sharat2 tanah daripada padi kapada yang lain.

Dengan penoh yakin, Dato Hamid menyarankan bahawa semua pengaroh2 sa-umpama itu-lah yang menyebabkan kawasan penanaman serta penghasilan padi berkurangan di-negeri ini dan masaalah ini merupakan taraf krisis yang serious yang di-hadapi oleh Kerajaan melalui Jabatan Pertanian.

Ketiga2 faktor yang di-utarakan beliau itu ada-lah memboktikan betapa telah semakin ramai-nya orang2 kita hanya mengharapkan yang bulat datang bergolek dan yang pipih datang melayang dan keadaan ini menghapuskan langsong semangat pengorbanan dan berkorban untok kesejahteraan bangsa dan negara.

Keikhlasan Pengarah Pertanian mengemukakan hal2 yang sa-umpama itu wajar benar di-ambil perhatian yang serious terutama dalam menyedarkan raayat dan pendudok negeri ini tentang betapa perlu-nya hasil mahsol pertanian di-luaskan dan menjadi sumber hasil negara yang akan dapat menampong hasil minyak, jika maseh ada.

# ISLAM DI-BRUNEI:

# DARI PENGLIHATAN PELAWAT2

**PETIKAN dari uchapan Y. B. Setia Usaha Kerajaan, Pehin Orang Kaya Laila Wijaya, Dato Seri Setia Awg Haji Abdul Aziz ketika merasmikan Pertandingan Membacha Al-Kor'an Belia2 Perengkat Negeri anjoran bersama Jabatan Kebajikan, Belia dan Sokan dan Majlis Belia2 Negeri Brunei pada 27hb Mei, 1981 yang lalu.**

## "ORANG YANG MELAWAT TADI MENGANGGAP PERKARA2 YANG DI-LIHAT-NYA ITU, SUNGGOH SIGNIFICANT, KERANA DIA INGIN KALAU-LAH PERKARA2 ITU DAPAT DI-LIHAT DI-NEGERI-NYA."

PERADUAN Membacha kitab suchi Al-Kor'an khusus untok belia2 seluroh negeri ini ada-lah satu lagi usaha untok mendokong dan meluaskan pembachaan kitab suchi Al-Kor'an di-kalangan umat Islam di-negeri ini. Sabagaimana yang kita sama2 maalom usaha2 lain yang mempunyai tujuan yang sama saperti pertandingan membacha Al-Kor'an di-antara Jabatan2 yang beruniform, pertandingan di-antara orang2 muallaf dan seterus-nya hingga-lah kapada pertandingan bagi memileh qari dan qariah sa-negeri ada-lah juga menjadi perkara yang routine di-negeri ini. Hasil dari semua kegiatan2 itu, kita telah dapat mengemukakan pembacha2 kitab suchi Al-Kor'an yang tinggi mutu-nya sama ada di-perengkat umat Islam di-negeri ini atau pun pada perengkat antarabangsa. Di-ikuti pula dengan jumlah kelas2 Kor'an yang di-adakan di-negeri ini yang semakin bertambah, dapat-lah lagi kita mengambil kesimpulan bahawa pembachaan Al-Kor'an di-negeri ini sedang berkembang dengan luas-nya dan mutu bachaan ada-lah semakin bertambah tinggi. Kita tidak pula dapat melupakan usaha2 yang telah di-berikan oleh guru2 Kor'an samada yang mengajar mengikut jadual yang di-atorkan oleh Kerajaan atau pun sa-chara persendirian yang mana semesti-nya kita berbangga dan berterima kaseh terhadap usaha mereka yang gigih itu.

### Berkembang

Sa-telah kita dapat mengetahui bahawa bachaan kitab suchi Al-Kor'an di-negeri ini sememang-nya sudah meluas dan berkembang dan bertambah tinggi pula mutu-nya, timbul-lah lagi satu perkataan yang besar; ia-itu di-samping pembachaan yang meluas itu ada-kah pula pengajaran2 yang terkandong di-dalam kitab suchi Al-Kor'an itu dapat kita amalkan sa-chara meluas dalam kehidupan kita sahari2 ? Soalan ini, saya rasa, susah bagi sa-siapa pun untok menjawab-nya kerana sa-bahagian besar kenyataan-nya hanya kita sendiri yang mengetahui-nya. Mithal-nya adakah kita bergerak dan berfikir mengikut ajaran2 Al-Kor'an ? Allah yang maha kuasa sentiasa mengetahui; sekali pun manusia suka berdaleh dan berpura2 dalam hidup-nya, tetapi pada akhir-nya nanti jawapan sebenar-nya akan terdedah juga apabila manusia menghadapi hari pengadilan di-sisi Allah.

Berchakap sedikit tentang sa-jauh manakah advance-nya ajaran2 Islam itu sudah dapat di-perluaskan amalan-nya di-negeri ini, berbagai2 comment telah dapat kita ikuti dari pendatang2 yang mengunjongi negeri ini. Sa-orang pendatang telah merasa kagum melihat bilangan masjid2 dan sekolah2 ugama di-negeri ini dan merasa kagum juga melihat peranan ugama Islam dalam perkembangan ekonomi dan sosial yang telah di-chapai oleh Negeri Brunei sa-lama ini. Dia telah merasakan keadaan begini sa-olah2 tidak ada tolok banding-nya di-dunia sa-belah sini. Orang yang mendengar comment itu, berasa bangga terhadap penghargaan dan pujian2 yang di-berikan oleh si-pelawat itu. Dia merasakan diri-nya sangat beruntong kerana dapat bertapak di-bumi yang bertuah ini. Tetapi dia menyedari, si-pelawat itu hanya berpeluang tinggal di-negeri ini dalam dua tiga hari sahaja, tetapi kalau-lah si-pelawat itu berpeluang tinggal dengan lebeh lama lagi, tentu-nya dia akan mendengar berita2 tentang kanak2 damit yang telah mati terapong2 di-Sungai Brunei, mendengar berita2 hangat tentang gadis2 yang telah di-rogol dan seterus-nya mendengar berita2 hangat tentang kecburian dan lain2 jenayah yang menyeramkan bulu roma.

Tidak pula dapat di-katakan, bahawa semua operasi jahat dan kejam itu di-lakukan oleh umat Islam di-negeri ini, tetapi mendengar dan membacha dari nama2 yang di-sebutkan, tidak pula dapat kita nafikan orang2 Islam ada terlibat. Kalau-lah si-pelawat itu mendengar kesah2 jahat itu, akan chemar-lah nama baik negeri kita ini. Tidak kira, kalau perkara2 itu jarang berlaku, dan hanya di-lakukan oleh umat Islam yang tidak bertanggong-jawab yang telah menderhaka kapada ugama-nya dan kapada adat resam negeri-nya. Bilangan mereka yang derhaka itu ada-lah paling kechil tetapi mereka telah bersifat saperti pagar makan padi, dan saperti duri dalam daging.

### Kagum

Sa-orang pelawat lagi telah kagum melihat keadaan Brunei di-sebelah malam yang sentiasa tenang dan aman; tiada terdapat tempat2 maksiat saperti night club, massage parlour dan lain2-nya. Tetapi kalau-lah orang itu berpeluang tinggal di-Brunei lebeh lama sedikit tentu dia akan mendengar cherita2 di-kalangan muda mudi kita yang berugama Islam yang telah menghadhiri majlis2 tari menari atau apa yang popular sekarang di-sebut disko; di-mana majlis2 itu khabar-nya telah di-adakan oleh orang2 yang bukan berugama Islam. Dan khabar-nya dalam majlis2 itu banyak perkara2 yang kurang sopan dan bertentangan dengan adat resam di-negeri ini berlaku. Kalau-lah pelawat itu mendengar tentang cherita2 itu dia mungkin akan berpendapat bahawa apa yang di-lihat sebenar-nya sa-olah2 hanya-lah merupakan suatu sifat yang mengabui mata. Kalau-lah benar perkara itu berlaku, element2 yang menjadi master mind kapada operasi2 yang kurang sopan itu, patut-lah merenong dan mengingati kembali, di-bumi mana-kah mereka bertapak. Muda mudi kitani pula jangan-lah mendengar comment dari sa-orang pelawat yang terkemuka tentang kekaguman-nya melihat kegiatan2 orang2 Islam di-negeri ini baik dalam bidang ekonomi mahu pun perkembangan2 dari sudut sosial dan begitu juga dia telah kagum melihat perkara2 warta berita yang kita anggap kechil dan berlaku sa-hari2 saperti pembacha2 warta berita di-talivishen yang memakai songkok atau kopiah dan perempuan-nya bertudong. Dia juga kagum melihat di-sana sini ternampak tulisan2 jawi dan termasok-lah di-lapangan terbang antarabangsa. Mungkin kita sendiri sa-lama ini menganggap perkara2 ini ada-lah perkara kechil sahaja tetapi dari sudut mata pelawat tadi perkara2 itu ada-lah merupakan perkara yang besar dan sunggoh significant. Kita memikirkan perkara2 itu ada-lah kechil, kerana kita telah lama hidup dengan suasana itu, hampir2 kita terlupa sedikit2 kesukaran yang kita hadapi dahulu-nya, apabila kita mula2 mengadakan-nya. Orang yang melawat tadi, menganggap perkara2 yang di-lihat-nya itu, sunggoh2 significant, kerana dia ingin kalau-lah perkara2 itu dapat di-lihat di-negeri-nya.

Awang2 dan dayang2 sekalian telah saya bawa mendengar sedikit cherita mengenai dengan pendapat yang di-lahirkan oleh pelawat2 ka-negeri ini. Bagaimana pula cherita-nya tentang orang2 kita yang pernah melawat ke-luar negeri dan membawa balek cherita untok di-sebarkan di-majlis2 perkumpolan di-kampong2 saperti membacha doa arwah dan perkahwinan. Berbagai2 penilaian telah di-buat oleh mereka itu.

### Perbandingan

Ada di-antara mereka itu membuat perbandingan yang negatif terhadap perkembangan2 yang telah di-chapai oleh negeri ini kerana dia telah dapat menyaksikan dengan mata kepala-nya sendiri perkembangan2 yang berlaku di-luar negeri itu ada-lah lebeh pesat daripada yang terdapat di-negeri ini, mithal-nya bangunan2 hotel yang besar dan supermarket2 yang mempunyai barang2 jualan yang banyak, casino2 yang besar, tempat2 hiboran yang mengghairahkan dan sa-bagai-nya. Terlalu ashik dia menchceritakan perkembangan2 di-luar negeri itu, sa-olah2 dia menjadikan diri-nya sendiri lupa daratan dalam membuat perbandingan itu. Sedikit pun dia tidak menyedari bahawa segala perkara2 yang besar yang di-lihat-nya itu ada-lah di-sesuaikan untok kehendak2 kumpolan manusia yang berjuta2 bilangan-nya. Sedikit pun dia tidak menyedari kadang2 di-belakang bangunan2 penchakar langit itu terdapat operasi2 yang maksiat; saperti pemasaran dadah sa-chara gelap, ajensi2 maksiat dan berbagai2 jenis show. Sa-olah2 di-kota pelanchongan itu, element2 maksiat itu menjadi "Modus Operandi" kapada tourist industry. Dia tidak menyedari bahawa "External Economy" atau akibat dari banyak-nya ajensi2 maksiat itu, di-antara lain ia-lah kemerosotan ekonomi persendirian, percheraian suami isteri, kechichiran akhlak di-kalangan muda mudi dan sa-bagai-nya. Sifat2 lupa daratan ini-lah yang paling menyedehkan, kerana dalam dia khayal dan kagum dengan perkembangan2 pesat yang di-saksikan-nya, langsong dia pun lupa tentang perkembangan2 yang sudah dapat di-chapai di-negeri-nya dan boleh di-banggakan; dia memandang segala perkembangan tempatan itu hanya-lah sa-chara negatif.

### Terdedah

Raayat dan Negeri Brunei pada tahun2 yang akan datang akan terus terdedah dengan perbandingan2 saperti itu. Peluang untok melawat dan di-lawat akan makin bertambah. Dalam keadaan begitu, ada-lah wajar kita memelihara image baik umat Islam dan raayat di-negeri ini dengan setegoh2 dan setebal2 iman. Ada-lah burok akibat-nya apabila peluang2 kita untok melawat dan di-lawati itu hanya akan berakhir dengan penchemaran "Norms" dan "Values" kita yang tinggi nilai-nya dan sukar di-chari tolok banding-nya di-dunia sebelah sini. Sa-lama ini kita telah berjaya menchapai kemajuan2 yang sophisticated dan pesat di-bidang ekonomi dan sosial dengan berpegang tegoh kapada unsor2 tradisional dan ajaran2 ugama Islam. Tidak semesti-nya sa-telah kita maju dan berkembang pesat, unsor2 itu akan kita anggap sa-bagai perkara2 yang negatif dan penghalang kemajuan. Anggapan yang negatif saperti ini pernah berlaku di-kalangan umat2 yang dahulu yang sudah menchapai kemajuan yang tinggi tahap-nya. Akhir-nya mereka menemui kehanchoran dan segala perkembangan yang telah mereka buat dan chapai dalam berpuloh2 atau beratus tahun lama-nya dengan sendiri-nya menjadi musnah. Terjadi-lah satu kerugian yang besar terhadap ugama dan negara mereka, timbul-lah penyesalan yang tidak berkeputusan, saperti yang di-sebutkan di-dalam Surah At-Taubah yang bermaksud:

*"Sebab itu bukan Allah yang hendak menganiaya (menzalimi) mereka, melainkan mereka yang menzalimi diri sendiri."*

Mari-lah kita bersama2 ber-do'a semoga perkara2 yang tidak di-ingini itu tidak akan berlaku di-negeri ini.

# KALIBER KEPIMPINAN TINGGI DALAM SHARIKAT KERJASAMA

KAMPONG BERIBI. — Dalam apa jua pertubohan mesti-lah ada pemimpin dan yang di-pimpin dan kedua-dua-nya mesti-lah bersefahaman. Untok menchapai kemajuan pemimpin mesti-lah mempunyai kaliber kepimpinan yang lebeh tinggi daripada orang2 yang akan di-pimpin.

"Ahli2 jawatankuasa sharikat ada-lah pemimpin2 kechil dalam kawasan perniagaan sharikat. Mereka bertanggong-jawab untok memimpin ahli2 sharikat, saperti juga Penghulu Mukim ada-lah pemimpin kapada pendudok2 Mukim dan Ketua Kampong ada-lah pemimpin kapada pendudok2 kampong."

### Mashuarat Agong

Pandangan itu telah di-berikan oleh Awang Mahmud Haji Bakyr, Pemangku Pesurohjaya Kemajuan Kerjasama dalam Mashuarat Agong Kali Ke-6 Sharikat Kedai Kerjasama Kampong Beribi pada 29hb. Mei yang lalu. Turut hadhir dalam majlis itu ada-lah Penghulu Mukim Gadong, Awang Haji Shukor bin Pakar.

Sharikat Kedai Kerjasama Kampong Beribi telah di-daftarkan pada 1hb. Mach, 1976 dan merupakan sharikat kerjasama yang kedua mula2 di-daftarkan di-seluroh negeri.

### Untong berseh

Dengan modal saham tujoh ribu ringgit lebeh dan ramai ahli tiga puloh orang, sharikat kerjasama ini telah menampakkan kemajuan perniagaan dari sa-tahun ka-setahun. Pada tahun kewangan-nya yang berakhir 31hb. Disember, 1980 sharikat tersebut telah memperolehi untong berseh $3,503.95 berbanding dengan $2,087.13 pada tahun 1979.

Pemangku Pesurohjaya mengingatkan pemimpin2 sharikat itu bahawa walau pun dari sudut perniagaan sharikat sudah menampakkan kemajuan tetapi dari sudut pentadbiran



Awg Mahmud Haji Bakyr

dan pengurusan maseh terdapat beberapa kelemahan.

"Ahli2 jawatankuasa ada-lah di-persharatkan dalam Tambahan Peratoran sharikat untok mengadakan mashuarat sa-kurang-kurang-nya sa-bulan sa-kali. Tujuan-nya ada-lah untok memata-matai perjalanan sharikat, bertindak ka-atas sa-suatu kelemahan sa-belum terlambat, dan di-samping itu berlateh chara2 memimpin sa-suatu pertubohan," tegas beliau.

Ahli2 sharikat juga di-ingatkan oleh beliau untok sama-sama memikul tanggong-jawab kerana sharikat ada-lah di-tubohkan untok kepentingan bersama, bukan-nya kepentingan perseorangan.



# Peniaga derma $1,000 untok anak2 yatim

BANDAR SERI BEGAWAN. — Satu derma yang berupa chek yang berjumlah $1,000.00 telah di-serahkan kapada Pengarah Perpindahan, Yang Amat Mulia Pengiran Indera Mahkota Pengiran Muda Haji Kamaluddin selaku Pengerusi Tabong Derma Anak2 Yatim, di-pejabat-nya pada minggu lalu (gambar atas).

Derma tersebut di-sumbangkan untok Tabong Derma Anak2 Yatim Daerah Brunei-Muara, oleh Awang Lim Teong Yong, sa-orang peniaga bersempena dengan hari ulang tahun-nya yang ka-81 tahun, di-samping merupakan derma kapada anak2 yatim di-daerah tersebut untok merayakan Hari Raya tahun ini.

# *Peraduan Silat dan Kuntau*

BANDAR SERI BEGAWAN. — Peraduan Silat dan Kuntau bagi Daerah Brunei-Muara akan di-adakan di-Pusat Belia pada 27hb. dan 28hb. Jun mulai jam 7.00 malam. Peraduan tersebut ada-lah salah-satu achara sambutan Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia yang ke-35 tahun bagi daerah tersebut.

Peraduan tersebut terbuka kapada pendudok2 yang bermastautin di-Daerah Brunei-Muara. Sharat2 dan borang2 masok bertanding boleh di-perolehi dari Setia Usaha Peraduan, Awang Zapar bin Shamsuddin di-Pejabat Daerah Brunei-Muara atau Awg. Suhaili bin Haji Apong, Pejabat Perpindahan Bandar Seri Begawan.

Borang2 yang telah di-isikan hendak-lah di-kembalikan tidak lewat dari 16hb Jun, 1981, jam 4.00 petang.

# Kenaikan pangkat Askar Muda

PERKHEMAHAN BOLKIAH. — Enam orang anggota Pasokan Askar Muda, Askar Melayu Diraja Brunei telah di-naikkan pangkat kapada Leftenan Muda, dalam satu upachara yang di-adakan di-Mess Pegawai di-Perkhemahan Bolkiah.

Upachara kenaikan pangkat yang berlangsong pada hari Jumaat, 5hb. Jun yang lalu ia-lah bagi Awang Adanani bin Egun, Roslan bin Hamdan, Azlan bin Haji Mohammad Saji, Ak. Zulkifli bin Pengiran Haji Ismail dan Mohd. Taha bin Mohd. Yusof.

Upachara pada hari itu telah di-kendalikan oleh Pegawai Kanan Pasokan, YDM. Pehin Datu Harimau Padang Dato Seri Laila Jasa, Lt. Col. Husin bin Ahmad.

# SHARIKAT KERJASAMA DAN BUKAN SHARIKAT KERJASAMA

Oleh : AWANG MAHMUD HAJI BAKYR

TULISAN ini di-buat berthabit dengan tulisan Jahri Latif bertajok "Puncha2 Kemundoran Sa-sebuah Sharikat" yang di-terbitkan dalam PELITA BRUNEI keluaran Rabu 20hb Mei, 1981 dalam muka surat 7.

TUJUAN tulisan ini bukan untok mengulas pati uchapan sa-masa Mashuarat Agong Sharikat Melayu Sengkurong yang di-petek oleh penulis sa-bagai bahan tulisan-nya itu tetapi sebalek-nya untok memberi penjelasan terhadap satu ayat dalam tulisan itu yang mungkin menimbulkan kekeliruan kapada pembacha.

Sa-bahagian ayat yang di-maksudkan itu berbunyi: "... kalau di-kaji sa-chara menyeluroh tentang penubohan sharikat2 kerjasama bumiputera ... yang tumboh berselerak saperti chendawan di-musim hujan dalam ta-hun2 enam pulohan."

Ungkapan "penubohan sharikat2 kerjasama" mungkin di-kaitkan oleh pembacha2 dengan Jabatan Kemajuan Kerjasama. Perkara ini perlu di-beri penjelasan.

Dalam tahun2 enam pulohan Jabatan Kemajuan Kerjasama belum di-tubohkan. Jabatan tersebut di-tubohkan pada bulan Ogos 1974 dan Undang-Undang Sharikat Kerjasama, 1975 telah di-kuatkuasakan pada 1hb. Julai, 1975. Kalau ada sharikat2 yang di-tubohkan dengan membuboh perkataan "kerjasama" pada nama-nya sa-belum kuatkuasa undang-undang tersebut, maka penubohan itu ada-lah tidak berkaitan dengan Jabatan Kemajuan Kerjasama.

Menurut Bab 5(2) daripada undang-undang tersebut perkataan "Kerjasama" atau perkataan dalam bahasa bumiputera yang sama makna-nya hendak-lah menjadi sa-bahagian daripada nama bagi tiap2 sharikat yang di-daftarkan di-bawah undang-undang itu.

Bab 55(1) daripada undang-undang yang sama pula mengandongi larangan penggunaan perkataan "Kerjasama" bagi orang yang berdagang atau menjalankan perniagaan di-bawah sebarang nama atau gelaran yang perkataan itu sa-bahagian daripada-nya sa-lain daripada sharikat yang di-daftarkan di-bawah undang-undang tersebut tanpa kebenaran Sultan dalam Majlis Mashuarat. Bab tersebut tidak-lah di-kenakan kapada mana2 orang atau pengganti-nya yang menggunakan sebarang nama atau gelaran yang di-gunakan-nya untok berdagang atau menjalankan perniagaan pada permulaan kuatkuasa undang-undang tersebut.

Pehak yang di-beri kuasa oleh undang-undang untok mendaftar mana2 sharikat kerjasama ada-lah Pendaftar Sharikat2 Kerjasama. Sharikat kerjasama yang mula2 di-daftarkan di-negeri ini ada-lah Sharikat Kedai Kerjasama Kampong Lumapas (KEKAL) yang di-daftarkan pada 23hb. Februari, 1976 dan yang paling akhir di-daftarkan ada-lah Sharikat Kerjasama Peladang Mukim Bukit Sawat ia-itu pada 9hb. Mei, 1981. Sa-takat ini sudah 62 buah sharikat kerjasama terdaftar di-seluroh negeri ia-itu 27 buah di-Daerah Brunei-Muara, 12 buah di-Daerah Belait, 12 buah di-Daerah Tutong, dan 11 buah di-Daerah Temburong. Modal bagi seluroh sharikat kerjasama itu pada tahun 1980 ada-lah berjumlah lebeh $840 ribu.

Daripada 62 buah sharikat kerjasama yang terdaftar itu dan sejak tahun 1976 hanya 3 buah yang di-bubarkan oleh Pendaftar ia-itu 2 buah menurut keputusan Mashuarat Agong dan sa-buah kerana kurang ahli (kurang 10 orang). Sharikat Kerjasama Usaha Bersatu (Jabatan Perisek) di-bubarkan pada 20hb. Disember, 1979, Korean Poultry Farmers' Co-operative Society di-bubarkan pada 11hb. Disember, 1980, dan Sharikat Kedai Kerjasama Melayu Kampong Kupang di-bubarkan pada 18hb. Mach, 1981.

Salah satu sharat sa-sebuah sharikat itu dapat di-daftarkan di-bawah Undang-Undang Sharikat Kerjasama, 1975 ada-lah yang sharikat itu "mempunyai tujuan untok memajukan kepentingan ekonomi ahli2-nya menurut prinsip2 kerjasama" (Bab 4(1) ). Jadi perniagaan yang di-jalankan oleh sa-sebuah sharikat kerjasama itu mesti-lah menurut prinsip2 kerjasama. Walau pun sa-buah sharikat kerjasama itu menjalankan perniagaan saperti juga sa-buah sharikat biasa menjalankan perniagaan tetapi perniagaan sharikat kerjasama itu ada-lah di-jalankan dengan satu chara khas. Di-antara chiri2 yang dapat membedzakan sa-buah sharikat kerjasama dengan sa-buah sharikat biasa ada-lah saperti berikut:

(a) Pada asas-nya sharikat kerjasama ada-lah satu gabongan orang (a union of persons) manakala sharikat biasa ada-lah satu gabongan modal (a union of capital);

(b) tujuan utama sharikat kerjasama ada-lah untok memberi khidmat (service) kapada ahli2-nya atas lunas2 ekonomi yang sihat dengan mengelakkan kerugian, manakala tujuan utama sharikat biasa ada-lah untok mendapatkan keuntongan sa-banyak2-nya daripada tabongan;

(c) pada 'am-nya pemilekan sharikat kerjasama ada-lah tidak terhad ia-itu keahlian ada-lah terbuka, manakala pemilekan atau bilangan pemilekan atau bilangan pemilek saham sharikat biasa ada-lah terhad;

(d) lebehan pendapatan sharikat kerjasama ada-lah kepunyaan ahli2 atau pelanggan2, manakala pada sharikat biasa lebehan pendapatan ada-lah kepunyaan sharikat; dan

(e) lebehan pendapatan sharikat kerjasama ada-lah di-bahagi menurut langganan, manakala keuntongan sharikat biasa ada-lah di-bahagi menurut saham.

Di-samping itu sharikat kerjasama mempunyai nilai2 pendidekan dan sosial yang pada kelaziman-nya tidak di-mileki oleh sharikat perniagaan biasa.

Pernah di-katakan yang sharikat kerjasama itu ada-lah satu pergerakan ekonomi yang menggunakan tindakan pendidekan. Pernyataan ini ada-lah juga tepat kalau di-uchapkan sa-balek-nya: sharikat kerjasama ada-lah satu pergerakan pendidekan yang menggunakan tindakan ekonomi. Unsor pendidekan ada-lah satu bahagian yang sudah sabati dalam sistem kerjasama yang sa-sebuah pertubohan yang tidak mempunyai unsor ini dalam bidang kegiatan-nya bukan-lah sa-buah sharikat kerjasama yang sa-benar. Dan sa-sunggoh-nya tanpa unsor pendidekan sa-sebuah sharikat kerjasama itu akan kehilangan chiri2 yang menandakan-nya sa-bagai sa-buah sharikat kerjasama.

Ada-lah di-harapkan yang tulisan singkat ini dapat membedzakan di-antara sa-buah perniagaan di-bawah nama 'Sharikat Kerjasama' dengan sharikat2 perniagaan yang lain. Sharikat Melayu Sengkurong saperti yang di-laporkan dalam Pelita Brunei itu bukan-lah sa-buah sharikat kerjasama yang di-daftarkan di-Jabatan Kemajuan Kerjasama

# PERSEDIAAN AMBIL ALEH TANGGONG-JAWAB PERTAHANAN SEDANG DI-ATOR



TIMBALAN Pemerentah AMDB, Y.B. Pehin Orang Kaya Seri Dewa Dato Seri Pahlawan Kolonel Haji Mohammad.

BERAKAS KEM. — Timbalan Pemerentah Pasokan Askar Melayu Diraja Brunei, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Dewa Dato Seri Pahlawan Kol Haji Mohammad menjelaskan bahawa proses mengambil aleh tanggong-jawab sa-penoh-nya pertahanan daripada tentera perkhidmatan pinjaman kapada angkatan bersenjata negeri ini sedang giat di-usahakan.

### Sistem pertahanan

Yang Berhormat berkata perkara ini ternyata dari segi 'Command of Appointment' ia-itu bagi jawatan2 pemerentah dalam Pasokan Askar Melayu Diraja Brunei.

Bagaimana pun, Yang Berhormat menegaskan bahawa tentera kerajaan British yang tempoh penempatan-nya di-sini hampir tamat tidak mempunyai kuasa mengator polisi dalam sistem pertahanan Pasokan Askar Melayu Diraja Brunei. Tanggong-jawab tentera pinjaman itu, jelas-nya lagi hanya dalam membantu di-samping melateh anggota2 tempatan dalam tugas2 pemerentah dan kemahiran2 teknikal.

Berchakap dalam satu temu-ramah khas di-Bilek Gerakan, di-Berakas Garrison di-sini pada minggu lalu, Yang Berhormat itu selanjut-nya menerangkan, dalam menghadapi kemerdekaan, Pasokan Askar Melayu Diraja Brunei akan lebeh di-perkuat dari segi pertahanan udara-nya. Bagaimana pun, menurut-nya, penubohan battalion ketiga tidak ada berkaitan dengan kemerdekaan. Kerana, ia-nya hanya akan di-tubohkan sa-sudah negeri ini merdeka ia-itu pada bulan September tahun 1985.

### Hubongan erat

Menyentoh mengenai perhubongan ketenteraan dengan negara2 Asean, Yang Berhormat menambah penjelasan: "Perhubongan kita dengan negeri Singapura dari segi kerjasama di-bidang ketenteraan ada-lah erat." Bentok kerjasama itu, menurutnya, saperti menghantar anggota tentera kita berkursus dan menjalani latehan2 kemahiran teknikal di-sekolah2 tentera di-republik itu dan sa-baleknya angkatan bersenjata Singapura banyak menggunakan kemudahan2 yang di-berikan oleh kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia dalam mengadakan latehan2 peperangan hutan di-negeri kita ini.

Dari segi latehan dua hala, menurut-nya lagi, angkatan bersenjata Singapura dengan Angkatan Laut Pertama Askar Melayu Diraja Brunei sering mengadakan latehan2 bersama di-perengkat angkatan laut. Tetapi pada masa ini, latehan dengan negara2 Asean yang lain belum ada, dan, walau bagaimana pun, Yang Berhormat berpendapat, "mungkin di-masa akan datang perkara ini akan terjadi. Kerana, saya kira ia akan mendatangkan banyak keuntongan dan faedah kapada dua belah pehak."

## *Pameran seni-lukis dan pertukangan-tangan sempena puja usia Baginda*

BANDAR SERI BEGAWAN. — Jawatankuasa Peraduan dan Pameran Seni-lukis dan Pertukangan-tangan telah bersetuju untok mengadakan peraduan dan pameran tersebut bersempena dengan sambutan Perayaan Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei Sir Muda Hassanal Bolkiah Muizzaddin Waddaulah kali yang ke-35 tahun 1981.

Peraduan dan pameran tersebut di-jangka akan di-adakan pada 16hb. September, 1981 di-Dewan Bahasa dan Pustaka, Bandar Seri Begawan, Brunei.

### Jenis2 peraduan

Pehak penganjor telah menetapkan sa-banyak enam jenis bahagian lukisan dan pertukangan-tangan akan di-pertandingkan ia-itu saperti potret, pemandangan, alam benda dan alam semula jadi, abstrik dan archa termasok copper tooling, ukiran2 kayu dan lain2.

Peraduan ini ada-lah terbuka kapada semua raayat Kebawah DYMM Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei yang berumor 16 tahun ke-atas.

Para peserta juga di-ingatkan bahawa karya2 yang akan di-pertandingkan mesti-lah belum pernah di-buat pada tahun2 yang sudah. Semua karya hendak-lah berthemakan ke-Bruneian dan berukoran tidak kurang dari $1\frac{1}{2} \times 2$ kaki dan tidak lebeh daripada $3 \times 4$ kaki.

### Borang penyertaan

Oleh yang demikian kapada para pelukis yang ingin menyertai peraduan ini boleh-lah berhubong kapada Ahli2 Jawatankuasa ia-itu Pengiran Chuchu bin Pengiran Haji Ahmad, Bahagian Latehan Kesenian, Jabatan Pelajaran, Brunei. Awang Zainal Abiddin bin Haji Ibrahim, di-Dewan Bahasa dan Pustaka, Brunei. Awang Abd. Wahid bin Haji Husain, dari Jabatan Muzium, Brunei. Pengiran Ibrahim bin Pengiran Abu Bakar, di-Maktab Perguruan Sultan Hassanal Bolkiah, Gadong, Awang Yaman bin Awg. Besar, di-Jabatan Kerja Raya, Brunei, Awang Noor Arifin bin Mohd. Yassin, di-Radio Talivishen Brunei, dan kapada Awang Abd. Rahim bin Haji Munir, di-Pejabat Daerah Brunei dan Muara.

Para peserta juga di-kehendaki mengisi borang yang di-sediakan dan hendak-lah di-hantar terus kapada Bahagian Latehan Kesenian, G15 Jalan Sekolah, Bandar Seri Begawan, Brunei tidak lewat pada 3hb. September, 1981 pada waktu pejabat di-buka.

## Pembukaan rasmi Hari Pelajar

GADONG. — Sambutan Hari Pelajar bagi Sekolah2 Rendah dan Menengah di-seluroh negeri akan di-mulakan dalam pertengahan bulan ini, dengan satu Upachara Pembukaan Rasmi yang akan di-adakan pada hari Ahad, 14hb. Jun, 1981, jam 8.00 pagi di-Dewan Pusat Tingkatan Enam, Gadong.

Hari Pelajar Tahun 1981, yang berthemakan 'Mutu Pendidekan Sekarang Membentok Masharakat Akan Datang' akan di-rasmikan oleh Pengawal Kastam dan Eksais Brunei, Yang Amat Mulia Pengiran Lela Cheteria Sahibun Najabah Pengiran Anak Hj. Abdul Aziz bin Pg. Jaya Negara Pg. Haji Abu Bakar.

Antara achara2 yang akan di-adakan di-upachara tersebut ia-lah persembahan2 yang berbentok kesenian dan kebudayaan dan persembahan nyanyian choir dari Sekolah2 Rendah dan Menengah di-negeri ini.

## Gotong-royong

MUARA. — Pendudok2 Kampong Mentiri di-Daerah Brunei-Muara, telah melancharkan kerja2 gotong-royong membersehkan tanah perkuboran orang2 Islam di-kampong tersebut Ahad lepas. Ia-nya di-ketui oleh Ketua Kampong Mentiri, Awang Dewa bin Rabaha. Pendudok yang diam berhampiran dengan kampong itu juga telah datang untok menyertai kerja tersebut.

## Penuntut Maktab S.O.A.S. tinjau Minyak Shell

SERIA. — Sa-rombongan 40 orang pelajar Pusat Tingkatan Enam Maktab Sultan Omar Ali Saifuddin telah membuat lawatan sambil belajar ka-Sharikat Minyak Shell Brunei Berhad Rabu lalu.

Ketibaan penuntut2 itu telah di-sambut oleh Pegawai Perhubongan Awam Sharikat Minyak Shell Brunei, Dayang Siti Radiah binte Haji Mohammad Yusof, yang juga telah memberikan taklimat mengenai dengan Shell Brunei di-Pusat Penerangan sharikat tersebut.

Sa-telah itu, penuntut2 tersebut telah di-berikan kesempatan untok meninjau "terminal" Seria dan makmal kaji bumi kepunyaan sharikat itu.

Rombongan telah di-ketui oleh Awang Elgie, salah sa-orang guru di-maktab tersebut.



KELIHATAN Dayang Siti Radiah menyampaikan taklimat mengenai dengan Shell Brunei kapada para pelajar.



Pg. Abdul Rahman



Dayang Fatimah

## Dua Penterjemah ikuti kursus diploma di-U.M.

BERAKAS. — Dua orang Penterjemah telah berlepas ka-Kuala Lumpur pada hari Khamis 4hb. Jun yang lalu untok mengikuti kursus selama dua tahun bagi memperolehi Diploma Penterjemah di-Universiti Malaya.

Mereka ia-lah Pengiran Abd. Rahman bin Pengiran Haji Umar dari Pejabat Setia Usaha Kerajaan Brunei dan Dayang Fatimah bte Haji Ja'afar dari Dewan Bahasa dan Pustaka Brunei.

Ini ada-lah kali pertama-nya kursus serupa itu di-tawarkan kapada pegawai2 Kerajaan. Salain dari mempelajari selok belok mengenai bidang terjemahan, pegawai2 tersebut juga akan mengikuti kuliah dalam mata-pelajaran ekonomi, sosial sains dan Seni Dewan Budaya.

MAJLIS TAKLIMAT

# LATAR BELAKANG NEGERI2 LUAR TIDAK SAMA DENGAN NEGE[RI]

BANDAR SERI BEGAWAN.—Raayat dan pendudok di-negeri ini ada-lah di-seru supaya tidak akan terikut2 dengan menaroh minat terhadap perkembang-an dan kemajuan2 yang di-chapai oleh negeri2 luar.

Bahkan kita mesti-lah sentiasa memberi perhatian dan pertimbangan wajar bahawa latar belakang luar negeri itu dari berbagai sudut ada-lah tidak sa-mesti-nya sama dengan latar belakang negeri kita.

Demikian ingatan yang di-buat oleh Ketua Pegawai Penerangan, Awg Haji Badaruddin bin Pengarah Haji Othman ketika memberikan taklimat kapada 30 orang pendudok Mukim Keriam yang menghadhiri taklimat Penerangan di-sini pada hari Khamis 4hb Jun yang lalu.

**" Jangan terikut2 terhadap perkembangan dan kemajuan2 yang di-chapai oleh orang lain."**

### Tidak puas hati

Ini, kata beliau, memandangkan pa-da waktu sekarang di-mana sa-tengah2 orang2 kita berkechenderongan mem-bandingkan antara 'apa yang ada pada orang lain' dengan 'apa yang ada pada kita' dengan chara sa-olah2 keadaan dan suasana negeri2 luar itu sedia sama atau patut sama dengan suasana dan keadaan negeri ini.

"Akhir-nya perbandingan sa-demi-kian itu menjadikan sa-tengah2 orang terasa tidak senang dan tidak puas hati terhadap 'apa yang ada pada kita' dan lebeh menyenangi 'apa yang ada pada orang lain'."

"Sikap sa-demikian itu sama sekali tidak menguntongkan kapada negeri ini dalam kemajuan yang akan terus di-chapai-nya dalam hubongan antara-bangsa di-masa2 yang akan datang," ujar Ketua Pegawai Penerangan.

Menurut-nya, dalam kita memaju-kan hubongan dengan negeri2 luar, kita



KETUA Pegawai Penerang-an, Awang Haji Badaruddin ketika memberikan taklimat kapada pendudok2 Mukim Keriam (kanan) sementara gambar bawah pendudok2 kampong tersebut bergambar ramai dengan pegawai2 yang memberikan taklimat dan pe-gawai2 Bahagian Penerangan sa-telah majlis tersebut.



## 700 pendudok yang kurang bernasib baik terima bantuan kebajikan

BANDAR SERI BEGAWAN. — Sa-ramai lebeh kurang 700 orang pendu-dok yang kurang bernasib baik di-negeri ini telah menerima bantuan melalui Bahagian Kebajikan Ma-sharakat, Jabatan Kebajik-an Belia dan Sokan di-sa-panjang tahun 1974 hingga 1980.

Jumlah bantuan ke-wangan tersebut ia-lah berjumlah $2,528,769.00 yang bererti peruntokan bantuan itu meningkat sa-banyak 625 peratus sejak tahun 1974.

Mereka yang menerima bantuan itu antara-nya termasok-lah balu2, jan-da2, anak2 yatim, keluar-ga orang tahanan 1962, orang2 chachat akal (gila), yang tidak bertanggongan, yang tidak termasok da-lam peratoran pemberian penchen, orang2 yang tidak terdaya, yang sempit kehidupan dan tidak mempunyai sumber pen-charian di-sebabkan ke-uzoran suami, kematian, pencheraian dan sa-bagai-nya.

### Kadar bantuan

Demikian menurut Yang Berhormat Penga-rah Kebajikan Belia dan Sokan Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Dato Setia Awang Haji Hussain ketika memberikan tak-limat di-majlis taklimat anjoran Bahagian Pene-rangan di-sini pada hari Khamis lepas.

Kadar minima bagi bantuan ini, tambah Yang Berhormat itu, ia-lah sa-banyak $50.00 dan maksi-ma $180.00 sa-bulan (sua-mi isteri dan empat orang anak).

Di-samping itu, kata-nya lagi, Bahagian Keba-jikan Masharakat juga memberikan derma2 se-kali gus kapada mangsa2 kebakaran, mangsa2 ben-chana alam saperti banjir, ayer merah, tanah runtoh, angin ribut dan sa-bagai-nya.



Y.B. Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Dato Setia Awang Haji Hussain.

Jabatan Kebajikan Be-lia dan Sokan, dalam membantu orang2 susah, orang2 chachat dan sa-bagai-nya, kata Yang Berhormat itu, telah me-nubohkan beberapa badan amal ia-itu saperti Badan Kebajikan Kebangsaan (1974), Tabong Anak2 Yatim (1977), Tabong Orang2 Buta (1979) dan Tabong Orang2 Chachat (1981).

### Sukarela

Badan2 amal sa-umpa-ma ini, kata Yang Berhor-mat itu, di-kendalikan oleh JKBS dengan mem-punyai ahli2-nya yang bersukarela tanpa mene-rima bayaran ia-itu saper-ti pegawai2 kerajaan, gu-ru2, pengakap, pandu pu-teri dan sa-bagai-nya.

Menyentoh mengenai bayaran2 penchen2 umor tua, buta dan chachat, Pe-ngarah Kebajikan Belia dan Sokan itu menjelas-kan bahawa pembayaran pada tahun 1975 ia-lah sa-banyak $1,965,930 bagi 6312 orang; tahun 1979 ia-lah sa-jumlah $2,705,887.60 bagi 6107 orang; dan pada tahun 1980 meningkat kapada $3,149,004.25 bagi 6299 orang.

### Pembayaran penchen

Pembayaran penchen ini di-buat kapada penerima2 penchen dengan melalui Penghulu2, ketua2 kam-pong dan ketua2 puak yang telah di-tetapkan oleh Pegawai Daerah ma-sing2.

Walau bagaimana pun, kata-nya, sa-bahagian ke-chil dari pada-nya mene-rima sendiri di-Pejabat Penchen2. Di-samping itu pegawai2 penchen juga pergi ka-Pusat2 yang ter-tentu untok membayar-nya pada tiap2 bulan.

Mengenai dengan penu-bohan sa-buah pusat orang2 Nakal di-Kampong Pulaie, Yang Berhormat berkata bahawa pusat ter-sebut di-jangka akan siap pada tahun 1982 dan tu-juan pusat itu di-tuboh-kan ia-lah bagi memberi-kan bimbingan serta asoh-an2 kapada belia2 nakal yang telah rosak akhlak-nya di-sebabkan berbagai-bagai pengaroh.

Pusat tersebut di-tuboh-kan, kata Yang Berhor-mat itu lagi, memandang-kan kapada belia2 yang melakukan berbagai-bagai kesalahan2 saperti yang di-daftarkan oleh pehak pulis dalam tahun 1979 di-seluroh negeri berjum-lah 252 orang.



# TAUHID ajaran paling asasi dan penting dalam Islam

TAUHID ada-lah ajaran yang paling asasi dan penting di-dalam Islam. Tauhid ada-lah suatu keperchayaan kapada Tuhan yang Maha Esa, suatu keperchayaan bahawa hanya Allah yang bersifat tunggal, Dia-lah yang Maha berkuasa, Maha Mulia, Maha Mengetahui. Dia-lah yang menjadikan alam dengan segala isi di-dalam-nya. Dia-lah yang mengator, mengawal dan memelihara alam semesta. Dia-lah yang hanya bersifat dengan sifat2 kesempurnaan, kemuliaan, dan kebesaran. Kerana itu menurut ajaran Tauhid, Allah sahaja-lah yang berhak dan wajib di-sembah, di-mohon petunjok dan pertolongan daripada-Nya.

Lawan kapada tauhid itu ia-lah shirik, ia-itu menyekutukan Allah. Suatu keperchayaan tentang ada-nya lagi Tuhan yang lain daripada-Nya. Dan satu lagi lawan kapada tauhid itu ia-lah keperchayaan tiada bertuhan saperti faham orang2 kominis. Menurut Islam aliran tiada bertuhan itu ada-lah suatu kekafiran yang paling besar, musoh manusia yang terang-terangan. Sa-bagaimana firman Allah di-dalam Surah An-Nisa' ayat 101; yang kira2 bermaksud: "Sesunggoh-nya orang2 kafir itu ada-lah musoh kamu yang paling nyata."

Tauhid itu ada-lah amat penting bagi kehidupan manusia, ia-nya menjadi sumber kehidupan jiwa dan pendidikan kemanusiaan yang tinggi. Tauhid akan mendidek jiwa manusia untok mengikhlaskan seluroh hidup dan kehidupan-nya, kapada Allah sa-mata2. Tujuan2 hidup-nya ia-lah kapada Allah, dan harapan yang di-kejar-nya ia-lah keredhaan Allah. Dengan demikian pasti-lah akan membawa pembenaan akhlak yang agong, menjadi manusia suchi, jujor dan tegoh memegang amanah. Maka tauhid merupakan kekuatan yang besar yang mampu mengator sachara tertib manusia yang berjuta2 yang hidup tersebar di-mana2.

### Riwayat

Di-riwayatkan oleh Abdullah bin Dinar, bahawa pada suatu hari dia berjalan dengan Khalifah Umar bin Al-Khatab r.a. dari Madinah menuju ka-Mekah, di-tengah jalan mereka berjumpa dengan sa-orang pengembala kambing yang sedang turun dari tempat pemeliharaan kambing dengan kambing-kambing-nya yang banyak. Khalifah Umar ingin menguji sampai di-mana anak gembala itu bersifat amanah. Antara kedua-nya terjadi perchakapan saperti berikut:

### Sa-orang hamba

Kata Khalifah: "Wahai gembala, jual-lah kapada aku sa-ekor anak kambing dari ternakan mu itu." Jawab gembala itu: "Aku ini hanya sa-orang hamba." Khalifah meneruskan lagi: "Katakan sahaja nanti kapada tuan mu, anak kambing itu di-makan serigala." Jawab gembala itu; yang bererti: "Maka di-mana Allah?"

Jawapan yang berupa pertanyaan itu sudah chukop bagi Khalifah memahami betapa kuat-nya iman dan betapa besarnya amanah dan kejujuran hamba itu. Hamba itu sa-olah2 berkata: "Memang tuan saya memileki ternakan ini. Boleh sahaja saya tipu, dia tidak melihat apa yang saya lakukan di-sini, tetapi bagaimana saya akan menipu Allah. Bukan-kah Allah melihat apa2 yang saya lakukan, maka saya mengetahui apa yang terlintas di-hati sa-seorang di-mana pun ia berada."

Dengan jawapan tegas dari gembala itu tidak-lah hairan apabila waktu itu berchuchoran-lah ayer mata Khalifah Umar kerana terharu, lalu Baginda pergi bersama dengan gembala itu menemui tuan punya ternakan tadi dan ditebus-nya kemerdekaan anak gembala itu lalu berkata: "Ini-lah yang memerdekakan kamu di-dunia ini, semoga dengan-kalimah itu pula akan memerdekakan kamu di-akhirat kelak."

### Pengaroh tauhid

Demikian-lah tuan2 sekalian pengaroh tauhid yang membentok para jemaah muslimin dan muslimat di-zaman permulaan Islam dahulu, di-bentok dari golongan atas sampai golongan bawah. Pengaroh tauhid itu telah dapat membentok orang2 yang jujor lagi amanah dan tidak mudah terpengaroh dengan sesuatu pujokan yang boleh membawa faedah2 dan kepentingan peribadi semata2. Mereka takut akan kemurkaan Allah dan takut akan balasan2 azab siksa di-akhirat kelak.

Pada zaman ini, disebabkan kurang-nya pengaroh tauhid itu di-kalangan umat Islam pada umom-nya, kita tidak hairan mendapati di-dalam akhbar2, berita2 tentang penyelewengan2, penipuan2, rasuah, penchurian2, perompakan2 dan berbagai-bagai kejahatan lainnya di-lakukan oleh orang2 Islam. Kerana orang tidak takut lagi kapada kemurkaan Allah dan tidak menghiraukan akan azab seksa di-akhirat.

Dari itu mari-lah kita menanamkan pengaroh tauhid itu pada diri kita, keluarga kita dan masharakat Islam kita supaya jadi-lah kita sekalian umat Islam yang sebenar2-nya.

## Waktu2 sembahyang, imsak dan matahari terbit

WAKTU2 sembahyang, imsak dan matahari terbit bagi Daerah Brunei-Muara, Tutong dan Temburong mulai dari hari Rabu 10hb Jun, 1981 hingga ka-hari Selasa 16hb Jun, 1981 ada-lah saperti di-bawah ini:—

| Hari Bulan | Dzuhor | Asar | Magrib | Isha | Imsak | Suboh | Matahari Terbit |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| 10hb Jun | 12.25 | 3.45 | 6.36 | 7.48 | 4.37 | 4.52 | 6.06 |
| 11hb Jun | 12.26 | 3.46 | 6.37 | 7.49 | 4.37 | 4.52 | 6.07 |
| 12hb Jun | 12.26 | 3.46 | 6.37 | 7.49 | 4.37 | 4.52 | 6.07 |
| 14hb Jun | 12.26 | 3.46 | 6.37 | 7.49 | 4.37 | 4.52 | 6.07 |
| 13hb Jun | 12.26 | 3.46 | 6.37 | 7.49 | 4.37 | 4.52 | 6.07 |
| 15hb Jun | 12.26 | 3.46 | 6.37 | 7.49 | 4.37 | 4.52 | 6.07 |
| 16hb Jun | 12.27 | 3.47 | 6.38 | 7.50 | 4.37 | 4.52 | 6.08 |

Waktu2 sembahyang dan imsak bagi Daerah Belait hendak-lah di-tambah tiga minit pada tiap2 waktu.

Sembahyang Juma'at di-seluroh Negeri Brunei di-mulai pada pukol 12.45 tengah hari.

## Peraduan penulisan sastera anjoran JHEU dapat sambutan

BANDAR SERI BEGAWAN.—Jabatan Hal Ehwal Ugama telah menerima 38 penyertaan dalam bahagian sajak, 11 penyertaan makallah dan 22 penyertaan cherpen dalam peraduan penulisan sastera anjoran jabatan tersebut sempena sambutan Isra' dan Me'raj tahun ini.

Peraduan yang di-kategorikan kapada tiga bahagian ia-itu A, B dan C telah di-buka dua bulan lalu dan tarikh tutop-nya pada 1hb Jun lepas.

Sa-orang juruchakap pehak penganjor berkata satu proses penghakiman akan segera di-selenggarakan dan pehak penganjor berharap keputusan peraduan itu di-jangka akan dapat diumomkan pada penghujong bulan ini atau sa-lewat2-nya awal bulan Julai depan. Bagaimana pun, penyampaian hadiah2 akan di-lakukan pada 19hb Julai bulan depan sempena sambutan Nuzul Al-Kor'an nanti.

# KERUKUNAN HIDUP DALAM ISLAM

O Bingkisan minggu ini

TELAH di-riwayatkan oleh Imam Muslim dari Abu Hurairah r.a. bahawa Rasulullah s.a.w. telah bersabda yang kira2 maksud-nya: *"Jangan-lah kamu berdengki-dengkian, dan jangan-lah kamu bertipu-tipuan, dan jangan-lah kamu berbenchi-benchian dan jangan-lah kamu berbelakang-belakangan, dan jangan-lah sa-tengah kamu menjual di-atas penjualan sa-tengah kamu dan jadi-lah kamu hai! hamba Allah bersaudara."*

*"Orang Islam bersaudara orang Islam, tiada boleh ia menginyaya-nya, dan tidak boleh membiarkan-nya (dalam kehinaan), dan tidak boleh mendustakan-nya dan tidak boleh menghinakan-nya."*

*"Takwa itu di-sini"* — Kata Nabi — sambil menunjok ka-dada-nya tiga kali. *"Sudah chukop—banyak — kejahatan saorang itu, bahawa ia merendahkan saudara-nya orang Islam. Sekalian orang Islam atas orang Islam haram darah-nya dan harta-nya dan kehormatan-nya."*

### Kesimpulan

Daripada maksud hadith tersebut dapat-lah kita mengambil beberapa kesimpulan asas yang antara lain ia-lah Pertama: Rasulullah s.a.w. dengan tegas melarang sa-tiap orang melakukan sa-barang perbuatan yang merosakkan saudara2-nya dari orang Islam sendiri. Sebab umat Islam mempunyai kemuliaan dan kehormatan peribadi-nya, harta milek-nya dan maruah atau nilai hidup-nya.

Kedua: Orang2 Islam itu bersaudara sesama Islam, kerana itu-lah orang Islam tidak boleh melakukan sa-suatu perkara yang bertentangan dengan hak persaudaraan sesama Islam. Dengan demikian akan menimbulkan semangat hormat-menghormati, bantu-membantu, berusaha untok mewujudkan kebaikan di-samping menghindarkan kejahatan.

Ketiga: Takwa itu di-dada, ini ada-lah memberi isharat bahawa kemuliaan manusia di-sisi Allah s.w.t. bukan-lah dengan chara melagak-lagak menunjok diri atau meninggi-ninggikan darjat peribadi, tetapi ada-lah dengan sifat takwa di-dalam dada.

### Kemanusiaan

Dan ke-empat: Bahawa sudah chukop banyak orang2 Islam sendiri merendah-rendahkan sesama Islam dengan chara merosakkan keselamatan harta benda, tuboh badan atau menjatohkan maruah atau kehormatan atau dengan apa chara jua pun, yang di-pandang terkeluar dari garis2 peri kemanusiaan, yang mana perbuatan2 saumpama ini ada-lah haram atas orang Islam melakukan-nya.

Demikian-lah daripada ke-empat2 kesimpulan asas yang telah di-sebutkan, dapat-lah di-tafsirkan bahawa Rasulullah s.a.w. telah memberikan peringatan kapada umat Islam di-dalam memelihara keharmonian hidup yang tidak hanya di-batasi oleh hidup keluargaan, oleh warna kulit, keturunan dan kedudokan, tetapi harus-lah di-anggap bahawa kerukunan hidup dalam Islam itu di-pupok dengan persefahaman yang menyeluroh tanpa melihat kapada sa-suatu aspek kehidupan manusia itu, kechuali sifat takwanya ada-lah hak diri-nya sendiri yang tidak boleh di-gugat oleh mana2 manusia kechuali Allah s.w.t. yang berhak melakukannya.

Semoga dengan itu kita umat Islam akan dapat hidup bersatu-padu tanpa menaroh perasaan shakwasangka di-antara satu dengan lain, dengan itu hidup kita akan di-berkati oleh Allah s.w.t. dan semoga kita akan di-jumlahkan ka-dalam orang2 yang di-redhai-Nya.

## Sambutan Isra dan Me'raj

BANDAR SERI BEGAWAN. — Sambuan2 Isra dan Me'raj telah di-adakan di-beberapa tempat di-negeri ini pada hari Jumaat lepas, 5hb. Jun yang lalu.

Pada sebelah pagi, satu sambutan telah di-adakan di-Kelinik Haiwan di-Jalan Berakas di-mana mereka yang hadhir telah mendengar satu cheramah khas mengenai Isra dan Me'raj, oleh seorang Pegawai Ugama, Ustaz Haji Mohammad Amin bin Pehin Datu Pekerma Dewa Haji Abd. Rahim.

Satu Cheramah Khas mengenai tanggong-jawab ibu2 Islam terhadap ugama Islam, telah di-adakan pada petang hari tersebut di-Sekolah Melayu Keriam di-Daerah Tutong.

Cheramah tersebut telah di-sampaikan oleh Pegawai Ugama, Pengiran Anak Hjh. Masnah bte Pengiran Saifuddin. Majlis pada hari itu telah di-hadhiri oleh pelajar2 wanita Kelas Dewasa Ugama dan Mu'alaf di-Daerah Tutong.

Sementara itu, di-Daerah Belait telah berlangsong dua majlis yang serupa. Sambutan2 tersebut telah di-anjorkan oleh pelajar2 kelas dewasa ugama di-Kuala Belait, yang telah di-langsongkan di-Sekolah Pengiran Anak Puteri Rashidah Sa'adatul Bolkiah, dan di-Masjid Pekan Seria.

Majlis yang serupa juga telah di-adakan di-Dewan Maktab Melayu Paduka Seri Begawan Sultan/Sekolah Sains di-Jalan Muara pada 4hb. Jun lepas. Achara-nya termasok-lah bachaan Al-Kor'an, persembahan nashid dan sharahan khas.

Sementara itu, anggota2 Pulis juga telah mengadakan sambutan Isra dan Me'raj di-Surau Pulis Diraja di-Gadong.

# AJARAN SESAT (I)

## I'tikad Taslim dan hubongan-nya dengan Batiniah

## YANG DIMULIAKAN PEHIN DATU SERI MAHARAJA MENULIS........



HAJI ISMAIL BIN OMAR ABDUL AZIZ (YDM Pehin Datu Seri Maharaja Dato Seri Utama) D.K., P.S.S.U.B., D.S.L.J., S.M.B., P.H.B.S., P.I.S. Azhar dan U. Cairo, Mufti

### SIRI KE-83

I'TIKAD Taslim itu i'tikad dan kepercha-yaan suatu puak dari puak batiniah dan puak batiniah itu munchol pada zaman Khalifah Al-Ma'mon (yang meninggal Tahun 218H) atau dalam zaman Kerajaan Bani Al-Abbas, Kerajaan2 Islam telah berusaha menghanchorkan mereka dan telah memburu mereka dari satu tempat ka-satu tempat lalu tinggal saki baki mereka bersembunyi dan dengan diam2 menyiarkan ajaran kafir mereka di-kalangan orang2 bodoh atau yang jauh terpenchil dari umat Islam.

**TUJUAN PUAK BATINIAH**

Tujuan puak batiniah yang mula2 di-tubohkan oleh orang2 Majusi itu ialah mengajak balek semula masok ka-dalam ugama Majusi dengan chara mengubah erti2 Al-Kor'an dan Hadith2 Rasulullah, mereka juga mengubah erti2 Rukun Islam kapada pengertian lain yang sesuai dengan tujuan mereka. Mereka chuba memasokkan perasaan shak pada Al-Kor'an dan kitab2 Allah yang lain, memasokkan perasaan shak pada membatalkan segala hukum shari'at Islam, membatalkan keperchayaan Hari Kiamat, bangkit dari kubor, membatalkan ada-nya Malaikat di-langit dan ada-nya jin di-muka bumi.

Sharat menjadi penyeru batiniah hendak-lah orang itu pandai membuat putar belit, dan pandai menta'wilkan sa-suatu yang zahir lalu di-jadikan dia batin dan sulit, dan tahu memileh siapa orang yang boleh di-ajak ka-jalan kufor mereka dan siapa orang yang tiada boleh di-pujok dan di-tipu.

Dan lagi sharat menjadi penyeru batiniah ia-lah tahu jalan untok menyeru dan mengajak orang2 yang dari berbagai warna dan kemahuan itu, mengajak itu pula bukan satu chara sahaja, tiap2 jenis manusia ada chara-nya yang tertentu untok mengajak mereka pada jalan batiniah, jika penyeru itu melihat sa-seorang itu chenderong kapada beribadat, maka ia akan mengajak beribadat dan jihad, kemudian ia akan bertanya erti ibadat dan sebab2 di-fardhukan ibadat itu, seterus-nya ia akan membuat helah untok memasokkan shak pada ibadat itu, dan jika ia melihat sa-seorang itu gilakan kelazatan dunia maka ia berkata kapada-nya: ibadat itu bodoh dan sia2 dan yang bagus-nya charilah kelazatan dunia dari perempuan dan arak dan sa bagai-nya, dan jika ia melihat orang Mulhid dan shakkan sa-suatu ugama atau shakkan bangkit hari kiamat atau shakkan pahala dan seksaan Allah, maka ia akan berterus terang berchakap kapadanya bahawa semua-nya itu tiada, awak buat-lah apa yang awak suka "membujor lalu melintang patah." Begitu-lah tipu daya puak batiniah kapada manusia yang tiada beriman atau yang mudah gonchang iman-nya.

**KEPERCHAYAAN TASLIM**

Di-bawah ini kita salinkan perkara2 i'tikad orang Taslim yang di-petik dari majallah Warta Jabatan Ugama Johor bilangan 3 Tahun Yang Pertama 15hb Rabbil Awwal, 1369 bersamaan 4hb Januari, 1950.

Kata majallah itu: di-dalam ruangan Akhbar "Majlis" telah di-siarkan berita sa-orang Melayu yang telah berpegang kapada ajaran dan i'tikad Taslim yang sesat itu, bertaubat di-hadapan Yang Dipertua Jabatan Ugama Johor dan di-hadapan pegawai2 ugama Johor. Sabenar-nya sa-belum kejadian ini kira2 dua tahun satengah dahulu telah berlaku di-Mahkamah Shariah Segamat perbicharaan i'tikad Taslim. Antara i'tikad Taslim itu ia-lah:

**(1) MENGENAL ALLAH**

Menurut puak Taslim: barang siapa kenalkan diri-nya sa-sunggoh-nya ia kenal akan Tuhan-nya, mereka beri'tikad bahawa Tuhan ada di-dalam diri tiap2 sa-orang, dudok diam berumah tangga di-dalam diri tiap2 sa-orang manusia,

( لا اله )

itu istana Tuhan,

( الا الله )

itu roh Tuhan. Badan kita ini rumah, nyawa kita tuan rumah. Sembahyang fardhu lima waktu tidak boleh, kerana Allah itu bersatu dengan badan kita.

**(2) RASUL DAN HAKIKAT-NYA**

Puak Taslim beri'tikad bahawa Nabi Adam itu ada-lah khalifah Tuhan dan Nabi. Apabila Nabi Adam wafat batal-lah khalifah dan Nabi dan hukum2-nya, kemudian di-bangkitkan ganti-nya, apabila mati ganti-nya ini batal pula khalifah, kenabian dan hukum-nya, dan kemudian bangkit pula ganti-nya begitu-lah hingga kapada Imam Mahadi, sekarang Nabi Muhammad s.a.w. telah wafat dari itu batal-lah hukum2-nya, tak dapat tiada ada pula ganti-nya.

Puak Taslim itu beri'tikad ganti Nabi Muhammad s.a.w. telah bangkit pada masa ini nama-nya Syed Ali yang ada bersemayam di-Bayan Lepas Pulau Pinang, jika mati Syed Ali ini akan di-ganti oleh sa-orang anak-nya pula maka kapada Syed Ali ini-lah mereka menyerah diri, harta, dan anak bini.

Hadith Me'raj Rasulullah ka-langit dan Hadith memfardhukan sembahyang lima waktu itu bohong, hanya di-karang oleh ulama2 bagi mengelirukan orang bodoh, dari itu puak Taslim tidak sembahyang.

**(3) MENYERAH DIRI**

Puak Taslim beri'tikad bahawa tiap2 sa-orang hendak-lah menyerahkan diri-nya, anak isteri-nya, dan harta benda-nya kapada (Rasul) atau ganti-nya yang ada di-Pulau Pinang, dengan penyerahan yang amat nyata, di-hadapan (Rasul) atau ganti-nya, jika tidak, neschaya tidak sah Islam-nya. Mereka berpegang kapada ayat Kor'an:

يَآ أَيُّهَا الَّذِيْنَ آمَنُوْا

صَلُّوْا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوْا تَسْلِيْمًا

Erti-nya: *Allah Ta'ala dan Malaikat memuji atas Nabi, hai sekalian orang yang beriman, puji oleh-mu atas-nya dan serahkan sa-bagai penyerahan yang amat nyata.*

*WALLAHU A'ALAM*

(Bersambong)





KUMPOLAN nashid Badan Kebajikan dan Sokan Radio Talivishen Brunei (atas) dan kumpolan nashid kelas Kor'an dan Zikir Guru2 Ugama Daerah Brunei-Muara, masing2 telah menjadi johan dalam Pertandingan Nashid Seluroh Negeri.

Pertandingan yang di-adakan bersempena sambutan Isra' dan Me'raj itu di-anjorkan oleh Jabatan Hal Ehwal Ugama.

Liputan: Ja'afar Ibrahim dan Shadoon Lamzi

...STI

...TA

...ngambil faedah2 sa-... bagi mengukohkan ...inan terhadap lunas2 ...ang sa-lama ini men-...at dalam penchapaian ...up kita — bukan sa-...emangat dan merasa ...adapan dengan dunia

**...hkan azam**

..., beliau mengharap-... lebeh ramai lagi ...edari betapa perlu-...kohkan azam dalam ...an perkembangan2 ...poh berikutan pen-...unia luar yang sema-

...nya kita tidak akan ... lemah semangat dan ... merosakkan harapan ... mendapatkan keper-...ghormatan di-pereng-... apabila tiba masa-...Ketua Pegawai Pene-...noh harapan.





# TANGGONG-JAWAB SA-TIAP PEGAWAI DAERAH



Pegawai Daerah Tutong, Awg Haji Chuchu.

## Pegawai Daerah sa-bagai penghubong antara raayat dan Kerajaan

BANDAR SERI BEGAWAN. — Tiga tajok yang pada keselurohan-nya berkaitan dengan Daerah Tutong telah di-timbulkan oleh Pegawai Daerah-nya, Awang Haji Chuchu bin Panglima Asgar Dato Paduka Haji Abdullah dalam majlis taklimat anjoran Bahagian Penerangan, Pejabat Setia Usaha Kerajaan pada hari Khamis lepas.

Dan rombongan yang berkesempatan menghadhiri majlis tersebut kali ini dan seterus-nya mendengarkan taklimat daripada Ketua Pegawai Penerangan, Awang Haji Badaruddin bin Pengarah Haji Othman, penerangan2 daripada wakil Pesurohjaya Pulis, Pengarah Pertanian, Dato Hamid bin Jaafar, Pengarah Jabatan Kebajikan Belia dan Sokan, Yang Berhormat Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Dato Setia Awang Haji Hussain serta daripada Pegawai Daerah Tutong ada-lah sa-rombongan kira2 30 orang pendudok2 Mukim Keriam.

### Ilmu Alam

Awang Haji Chuchu, di-dalam taklimat-nya menggariskan kedudokan atau keadaan ilmu alam Daerah Tutong, tugas2 yang di-pertanggong-jawabkan kapada beliau serta pejabat2 yang bersangkutan dengan-nya dan ranchangan2 Kerajaan yang sudah ada di-daerah tersebut sa-bagai bahan2 penerangan yang beliau berikan kapada para hadhirin pagi itu.

Mengenai dengan keadaan ilmu alam atau pun kedudokan daerah yang berkenaan, beliau menegaskan yang menurut maalumat yang di-perolehi dari Jabatan Ukor, daerah ini mempunyai kawasan sa-luas lebeh kurang 450 batu persegi dan terbahagi kapada lapan buah mukim. Sa-sebuah mukim di-awasi oleh sa-orang penghulu dan dalam pada itu jumlah ketua kampong yang telah pun di-lantek ada-lah 25 orang.

### Wakil Kerajaan

Mengenai dengan tugas-tugas yang di-amanahkan oleh Kerajaan DYMM, beliau memberitahu yang Pegawai Daerah dalam satu2 daerah itu ada-lah sa-bagai wakil Kerajaan dan sekali-gus sebagai Ketua Pentadbir bagi mempastikan serta mengamat-amati dengan seberapa yang terdaya di-segi keamanan, keselamatan serta kemajuan yang ada di-daerah-nya.

Tambah beliau, "Ini juga bermakna Pegawai Daerah di-kehendaki memerhatikan supaya semua jabatan2 dalam daerah-nya berjalan dengan lanchar menurut peratoran2 yang di-kuatkuasakan dari semasa ke-semasa dan kelaziman yang berjalan dengan baik menerusi perhubongan dua hala ia-itu di-antara raayat dengan Kerajaan atau sebalek-nya.

"Bagi kelancharan perjalanan tugas2 pengawasan serta pentadbiran yang di-maksudkan itu, Pegawai Daerah ada-lah di-kehendaki dan di-lantek menjadi ahli2 kapada beberapa badan rasmi di-ibu negeri, umpama-nya, Pehak Berkuasa Yang Layak Kawasan Pemechahan dan Kemajuan Tanah, Lembaga Melisen Minuman Keras dan lain2 lagi.

### Pengerusi

Dalam daerah-nya pula, dia bertugas sa-bagai pengerusi muzakarah ketua2 pejabat, pengerusi meshuarat penghulu2, ketua2 kampong dan ketua2 rumah panjang, Pengerusi Keselamatan Daerah dan beberapa buah badan rasmi dan tidak rasmi.

Terhadap Bandar pula Pegawai Daerah juga bertanggong-jawab sa-bagai Pengerusi dan mentadbirkan Lembaga Bandaran Daerah-nya.

### Infrastruktur

Mengenai dengan kemudahan2 infrastruktur, beliau menegaskan yang Daerah Tutong mempunyai sa-banyak 62 batang jalan kechil yang di-bawah jagaan Pejabat Daerah serta Jabatan Kerja Raya. Daerah ini juga mempunyai 19 buah balai2 raya yang juga di-gunakan sa-bagai kelinik dan sekolah2 dewasa.

"Dengan ada-nya kemudahan2 ini sudah tentu kita mengharapkan penglibatan raayat sa-chara langsong supaya chita2 Kerajaan untok melihat raayat dan pendudok di-dalam-nya aman makmor dan hidup dengan sejahtera-nya mengikut perkembangan2 yang ada," tambah beliau lagi.

## Penghijrahan pendudok2 desa ka-bandar2 antara faktor:

# PENANAMAN PADI KURANG MAJU

BANDAR SERI BEGAWAN. — Keluasan penanaman padi di-seluroh negeri pada pertengahan tahun 70an ia-lah sa-luas kira2 9,000 ekar akan tetapi sekarang keluasan itu kini hanya berjumlah 6,000 ekar sahaja.

Kurang-nya keluasan sa-banyak 3,000 ekar itu berpuncha daripada beberapa faktor yang sekali-gus menjadi masaalah besar yang di-hadapi oleh Kerajaan yang melibatkan orang ramai.

### Faktor

Demikian telah di-timbulkan oleh Pengarah Pertanian, Dato Hamid bin Jaafar ketika memberikan taklimat kapada 30 orang pendudok2 Mukim Keriam di-majlis taklimat anjoran Bahagian Penerangan Pejabat Setia Usaha Kerajaan di-sini pada hari Khamis yang lalu.

Antara faktor2 tersebut ia-lah banyak-nya orang2 yang berhijrah ka-bandar untok menchari pekerjaan samada di-sektor2 swasta dan kerajaan, ke-engganan anak2 muda untok menolong dan mengambil-aleh tugas2 orang2 tua mereka di-sawah2, perkembangan dan kemajuan perusahaan bukan pertanian membawa kapada sharat penukaran tanah dari-pada padi kapada yang lain dan sebagai-nya.



Pengarah Pertanian, Dato Paduka Hamid bin Jaafar.

Semua pengaroh2 saumpama ini-lah, kata Pengarah Pertanian, yang menyebabkan kawasan penanaman serta hasil2 padi berkurangan di-negeri ini yang sa-chara langsong masaalah ini merupakan taraf krisis yang serious yang di-hadapi oleh Kerajaan melalui Jabatan Pertanian.

### Penanaman padi

Untok menseimbangkan dan menyelesaikan masaalah ini tambah-nya, Kerajaan dalam tahun 1978 telah melancharkan ranchangan penanaman padi di-Kampong Wasan yang mana projek ini maksima-nya mempunyai keluasan 1,000 ekar apabila siap pada tahun 1981/82.

Projek ini, kata-nya lagi, di-usahakan bersama oleh Jabatan Pertanian dan Kerja Raya di-mana JKR bertanggong-jawab pada membena kawasan sawah yang lengkap dengan bekalan serta alat kemudahan ayer dan jalan-raya, sementara Jabatan Pertanian bertanggong-jawab dalam menanam, menuai, memproses hasil2 padi serta memelihara kawasan projek itu.

### Luas tanaman

Tanaman padi pertama di-kawasan projek tersebut, tambah Dato Hamid, terdiri dari padi tampoi ia-itu kira2 320 ekar dan meningkat pada 430 ekar di-musim padi tahun 1981.

"Di-musim berpadi tahun akan datang 1981/82 kami berharap akan menanam sa-luas 700 ekar. Dan pada tahun ini kawasan tersebut telah pun di-tanam padi di-luar musim sa-luas 500 ekar dan di-jangka akan dapat di-tuai pada bulan September/Oktober tahun ini," ujar-nya.

Bergantong kapada kemajuan yang akan di-chapai oleh projek ini nanti, kata-nya, Jabatan Pertanian akan berusaha untok melaratkan projek itu ka-Kampong Rambai dalam keluasan kira2 800 ekar.

# KERJAYA DALAM PASOKAN AMDB

## ANGGOTA ANGKATAN LAUT

1. Menjalani latehan asas tentera 25 minggu dan akan menerima gaji pokok sa-banyak $500.00 sa-bulan dan alaun permakanan $186.00, jumlah $686.00.
2. Di-tempatkan di-kapal2 Angkatan Laut Diraja apabila tamat latehan dan akan menerima salah satu daripada tiga tangga gaji pokok bergantong kapada kelayakan masing2 saperti berikut sa-tahun sa-lepas tamat menjalani latehan asas sa-bagai rekrut :
   **'B' — $545.00 — $665.00, alaun permakanan $186.00 jumlah — $731.00 — $851.00**
   **'A' — $565.00 — $685.00, alaun permakanan $186.00 jumlah — $751.00 — $871.00**
   **'X' — $625.00 — $750.00, alaun permakanan $186.00 jumlah — $811.00 — $936.00**
3. Di-Angkatan Laut juga mempunyai alat2 sistem senjata yang moden dan dari itu kemahiran dalam bidang letronik dan kejuruteraan untok mengendalikan jentera2 laut amat-lah di-perlukan. Jika awang2 pemuda raayat Kebawah DYMM maka tenaga awang2 amat-lah di-perlukan untok memenohi bidang ini. Ini hanya-lah merupakan salah satu daripada chawangan pekerjaan yang terdapat di-Angkatan Laut. Pembangunan yang pesat dalam pasokan ini ada-lah sa-mata2 bagi awang2 untok mengendalikan-nya.
4. Kenaikan pangkat yang menggalakkan bergantong kapada kemampuan, kebolehan dan kelamaan dalam perkhidmatan.
5. Menerima alaun2, kemudahan2, keistimewaan2 dan kebajikan2 yang lazim di-berikan kapada anggota pasokan saperti alaun menyelam bagi penyelam2 di-dalam pasokan ini.
6. Jika mempunyai kebolehan dan kelayakan yang terkemuka boleh di-sokong untok menjadi pegawai bertauliah dalam pasokan ini.
7. Berhak berpenchen sa-lepas perkhidmatan 15 tahun, tetapi perkhidmatan boleh di-lanjutkan sa-hingga 20 atau 25 tahun mengikut kemahuan sendiri dan mendapat sokongan.





## Sa-bagai
## Pertukangan Jurutera
## Ahli Bomba
## dan Pancharagam

## SHARAT2 KEMASOKAN

1. Raayat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei dan tergolong daripada salah satu dari tujoh puak jati Melayu : Belait, Bisaya, Brunei, Dusun, Kedayan, Murut dan Tutong.
2. Pemohon2 yang menjadi Warganegara Brunei yang tidak tergolong kapada salah satu daripada tujoh puak jati Melayu yang berugama Islam dan mengamalkan adat resam orang2 Melayu Brunei ada-lah berhak menjadi pemohon2 yang memenohi sharat2 kemasokan.
3. Bujang atau kahwin.
4. Berbadan sehat.
5. Berumor 17½-25 tahun.
6. Tinggi tidak kurang daripada 5 kaki 1 inchi.
7. Berat badan tidak kurang daripada 105 paun.
8. Sa-rendah2-nya Darjah Enam Melayu atau Primary Enam Inggeris. Kelulusan yang lebeh tinggi ada-lah sangat di-alu-alukan.

**ASKAR MELAYU DIRAJA BRUNEI KERJAYA SA-BAGAI TENTERA BERJALAN KAKI/ANGGOTA ANGKATAN LAUT**

Nama : ..............................................................

No. Kad Pengenalan : .............................. Warna : ..............................

Tarikh lahir : .............................. Tempat lahir : ..............................

Alamat : ..............................................................

..............................................................

Nama Warith : .............................. Tarikh lahir : ..............................

Hubongan : .............................. No. Kad Pengenalan : ..............................

Alamat Warith : ..............................................................

Nama Sekolah : ..............................................................

Tingkatan : ..............................................................

Kelulusan : ..............................................................

Kerjaya yang di-pileh : ..............................................................

No. Talipon : ..............................

Tarikh : .............................. ..............................
*Tandatangan*

## TENTERA BERJALAN KAKI

1. Menjalani latehan asas tentera 25 minggu dan akan menerima gaji pokok sa-banyak $500.00 sa-bulan dan alaun permakanan $186.00 jumlah $686.00.
2. Di-tempatkan di-kompeni2 dalam battalion apabila tamat latehan dan akan menerima gaji pokok $545.00–$665.00, alaun permakanan $186.00 jumlah $731.00–$851.00 sa-telah genap perkhidmatan sa-tahun sa-lepas tamat menjalani latehan asas sa-bagai rekrut.
3. Di-berikan kursus2 tempatan dan luar negeri dalam bidang infantri mengikut kebolehan, kelamaan dan pangkat.
4. Kenaikan pangkat yang menggalakkan bergantong kapada kemampuan, kebolehan dan kelamaan perkhidmatan.
5. Menerima alaun2, kemudahan2, keistimewaan2 dan kebajikan2 yang lazim di-berikan kapada anggota2 pasokan.
6. Jika mempunyai kebolehan dan kelayakan yang terkemuka boleh di-sokong untok menjadi pegawai yang bertauliah.
7. Berhak berpenchen sa-lepas perkhidmatan 15 tahun, tetapi perkhidmatan boleh di-lanjutkan sa-hingga 20 atau 25 tahun mengikut kemahuan sendiri dan mendapat sokongan.



Sa-banyak lapan Pusat2 Pengambilan akan di-adakan di-ke-empat2 daerah saperti yang di-umomkan melalui Radio dan Talivishen. Latehan bagi pengambilan yang akan datang ia-lah pada 7hb September, 1981

Datang-lah ka-alamat di-bawah untok mendapatkan maklumat lanjut. Dan jika awang berminat isikan-lah borang yang di-sediakan dan hantarkan kapada :

**PEJABAT PENGAMBILAN PASOKAN**
**PUSAT LATEHAN**
**ASKAR MELAYU DIRAJA BRUNEI**
**PERKHEMAHAN BOLKIAH**
**BRUNEI**

**TALIPON No: 30531 Sambongan 01/02.**

# JAWATAN2 KOSONG DAN PEMBERITAHUAN TAWARAN

## Sa-bagai Pembaiki Barang2 Kain

PERMOHONAN2 ada-lah di-pelawa daripada chalon2 yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan untok memenohi jawatan kosong sa-bagai Pembaiki Barang2 Kain di-Askar Melayu Diraja Brunei.

**Kelayakan2 dan Pengalaman :**

Pemohon2 mesti-lah berumor antara 18 hingga 45 tahun sekurang2-nya 2 tahun pengalaman dalam kerja2 membaiki bahan2 kain. Mereka mesti-lah memahami rajah2 serta lukisan2 kerja dan pandai menjahit kain kanbes (tebal) atau lain2 jenis kain dengan tangan atau dengan menggunakan misen.

**Tangga Gaji :**

F.2-3-4 EB.5—$390-400-410-420-430-440-450-460-470-490-500-510-520/EB/530-540-560.

Sa-seorang yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendak-lah menghantar permohonan-nya melalui Ketua Jabatan-nya dan Ketua Jabatan itu hendak-lah menyertakan bersama2 dengan permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan2 mesti-lah di-hantar dalam dua salinan borang yang boleh di-dapati daripada Jabatan Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 tidak lewat dari 25hb Jun, 1981.

(E/388/79 — Bil : 84/1981)

## Jawatan2 dalam Perkhidmatan K'jaan

PERMOHONAN2 ada-lah di-pelawa daripada chalon2 yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan untok memenohi beberapa jawatan2 kosong di-dalam Perkhidmatan Kerajaan, Brunei.

1. a) JAWATAN : Pemandu Kereta Tingkat II di-Jabatan2 Kastam, Ukor, Laut, RTB dan Pelabohan.
   TANGGA JAGI : F.3-4 EB 5 — $430-440-450-460-470-490-500-510-520/EB/530-540-560.
   b) JAWATAN : Pemandu Kereta Tingkat II di-Jabatan Hal Ehwal Ugama.
   TANGGA GAJI : F.2-3-4 EB 5 — $390-400-410-420-430-440-450-460-470-490-500-510-520/EB/530-540-560.
   c) JAWATAN : Pemandu Kereta di-Jabatan Setia Usaha Kerajaan (Bahagian Penerangan).
   TANGGA GAJI : E. 1 EB. 2 — $410-425-440-455/EB/470-485-500-515.
   d) JAWATAN : Pemandu di-Dewan Bahasa dan Pustaka, Lembaga Bandaran Bandar Seri Begawan, Jabatan Penerbangan Awam dan Lembaga Bandaran Kuala Belait.
   TANGGA GAJI : F. 3-4 EB 5 — $430-440-450-460-470-490-500-510-520/EB/530-540-560.
   e) JAWATAN : Pemandu di-Jabatan Perkhidmatan Diplomatik.
   TANGGA GAJI : E. 2-3 EB. 4 — $470-485-500-515-530-545-560-575-590-605 / EB / 620-630-645-660-680-700.
   f) JAWATAN : Pemandu/Operator di-Lembaga Bandaran Bandar Seri Begawan.
   TANGGA GAJI : D. 1 EB. 2 — $425-440-455-470-485-500/EB/515-535-555-580-605-630-655.
2. **Kelayakan2 dan Pengalaman :**
   a) Pemohon2 mesti-lah berumor di-antara 20 hingga 40 tahun dan hendak-lah tahu menulis dan membacha dalam Bahasa Melayu.
   b) Mereka mesti-lah pemandu2 yang berpengalaman dan mempunyai lesen memandu Kelas 3 yang sah serta tidak pernah di-dakwa kerana kesalahan2 memandu dan boleh membaiki kerosakan2 kechil.
   c) Mempunyai lesen memandu Kelas 5 dan Kelas II ada-lah merupakan satu kelebehan.
   d) Mempunyai pengalaman memandu semua jenis kenderaan ada-lah merupakan satu kelebehan.
3. **Tugas2 :**
   Chalon2 yang berjaya mesti-lah bersedia untok bertugas bila2 masa di-kehendaki di-luar masa pekerjaan biasa atau bekerja sa-chara bergilir2 (shift). Chalon2 yang berjaya hendak-lah bersedia untok bertugas di-mana2 sahaja di-dalam negeri.

Sa-seorang yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendak-lah menghantar permohonan-nya melalui Ketua Jabatan-nya dan Ketua Jabatan itu hendak-lah menyertakan bersama2 dengan permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan2 mesti-lah di-hantar dalam dua salinan borang bagi tiap2 satu jawatan yang boleh di-dapati daripada Jabatan Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan surat2 akuan dan sijil2 tidak lewat dari 30hb Jun, 1981.

(E/69/78 — Bil : 88/1981)

## TENDER NOTICE

### ELECTRICAL INSTALLATION TO PROPOSED 10 ADDITIONAL CLASSROOMS FOR B.T.T.C., GADONG

REGISTERED Class 'B' and above Electrical Contractor are invited to submit tender for the complete supply and installation of Electrical Installation to Proposed 10 Additional Classrooms for BTTC, Gadong.

Tender document can be obtained from the office of Messrs Leeng Consulting Engineers, Nos. 4 & 5, 1st Floor, Block-E Bolkiah Bldg. Seri Complex, Mile 1¼ Jalan Tutong, Bandar Seri Begawan, Brunei from 10th June, 1981 onwards during normal office hours. The tender deposit of $500.00 shall be in the form of a Banker's Draft in favour of Brunei Government refundable only to all unsuccessful tenderers upon receipt of a bona-fide tender and the return of documents and drawings.

Tender must be submitted on the provided Tender Form and must reach the office of the Chairman, Tenders Board, State Secretariat Building, Bandar Seri Begawan, Brunei not later than 12.00 noon, 30th June, 1981. Tenders received after the stipulated time will be rejected.

Tender shall be enclosed in a plain sealed envelope marked: — TENDER FOR ELECTRICAL INSTALLATION TO PROPOSED 10 ADDITIONAL CLASSROOMS FOR B.T.T.C., GADONG.

Our clients, the Government of Brunei, do not bind themselves to accept the lowest or any tender.

## TENDER NOTICE

### AIR CONDITIONING AND HOSEREEL PUMPS INSTALLATION TO PROPOSED SERGEANTS MESS 1 PENANJONG CANTONMENT, BRUNEI,

REGISTERED Class 'B' and above Air-Conditioning Contractors are invited to submit tender for the complete supply and installation of Air Conditioning systems and Hosereel Pumps To Proposed Sergeants Mess 1, Penanjong Cantonment, Brunei.

Tender document can be obtained from the office of Messrs. Leeng Consulting Engineers, Nos. 4 & 5, 1st Floor, Block-E Bolkiah Bldg., Seri Complex, Mile 1¼ Jalan Tutong, Bandar Seri Begawan, Brunei from 11th June, 1981 onwards during normal office hours. The tender deposit of $500.00 shal be in the form of a Banker's Draft in favour of Brunei Government refundable only to all unsuccessful tenderers upon receipt of a bona fide tender and the return of documents and drawings.

Tender must be submitted on the provided Tender Form and must reach the office of the Chairman, Tenders Board Secretariat Building, Bandar Seri Begawan, Brunei not later than 12.00 noon, 14th July, 1981. Tenders received after the stipulated time will be rejected.

Tender shall be enclosed in a plain sealed envelope marked: — TENDER FOR AIR CONDITIONING AND HOSEREEL PUMPS INSTALLATION TO PROPOSED SERGEANTS MESS 1, PENANJONG CANTONMENT, BRUNEI.

Our clients, the Government of Brunei, do not bind themselves to accept the lowest or any tender.

## ELECTRICAL DEPT TENDER NOTICES

### TENDER No. 30/1981

TENDERS will be received by the Tenders Board, Bandar Seri Begawan, Brunei from registered Electrical Wiring Contractors, Class "A" and "B" up to 12.00 noon on Tuesday, 16th June, 1981 for the following : —

ELECTRICAL INSTALLATION FOR IMPROVEMENT OF MUNICIPAL HALL FOR COURT HOUSE AND PROPOSED EXTENSION FOR MUNICIPAL OFFICE AT BANDAR SERI BEGAWAN

Tender documents may be obtained from the office of the Chief Electrical Engineer, Bandar Seri Begawan, Brunei.

The tender documents to be placed in a plain envelope addressed to the Tenders Board. The envelope to be marked:—

"ELECTRICAL INSTALLATION FOR IMPROVEMENT OF MUNICIPAL HALL FOR COURT HOUSE AND PROPOSED EXTENSION FOR MUNICIPAL OFFICE AT BANDAR SERI BEGAWAN."

The tender deposit of $200.00 shall be in the form of a cheque refundable only to all unsuccessful tenderers upon the receipt of a bona fide tender.

### TENDER No. 33/1981

1. TENDERS will be received by the Chairman, Tenders Board at the office of the State Financial Officer, Bandar Seri Begawan, Brunei from the Registered Class "A" Cable Laying Contractors up to 12.00 noon, Tuesday, 23rd June, 1981 for the following : —

CABLE LAYING FROM GADONG POWER STATION TO NEW GENERAL HOSPITAL ALONG JALAN KIULAP, BANDAR SERI BEGAWAN.

Tenders received after the stated time will be rejected.

Tender shall be submitted in a plain sealed envelope with no indication of Tenderer's name or address and shall be marked clearly:—

"CABLE LAYING FROM GADONG POWER STATION TO NEW GENERAL HOSPITAL ALONG JALAN KIULAP, BANDAR SERI BEGAWAN."

The form of tender including specification and drawing can be obtained from the office of the Chief Electrical Engineer, Bandar Seri Begawan, Brunei.

The Government does not bind itself to accept the lowest or any tender.

The tender deposit will be $500.00 refundable to all unsuccessful tenderers, on receipt of a bona fide tender.

### TENDER No. 31/1981

TENDERS will be received by the Chairman, Tenders Board, Bandar Seri Begawan, Brunei from the Registered Electrical Wiring Contractors, Class "A" and "B" up to 12.00 noon on Tuesday 23rd June, 1981 for the following:—

RE-TENDER FOR ELECTRICAL INSTALLATION FOR NEW STORE BUILDING AT MUARA PORT, MUARA.

Tender documents may be obtained from the office of the Chief Electrical Engineer, Bandar Seri Begawan.

The tender documents to be placed in a plain envelope addressed to the Tenders Board. The envelope to be clearly marked : —

"RE-TENDER FOR THE ELECTRICAL INSTALLATION FOR NEW STORE BUILDING AT MUARA PORT, MUARA."

Tender deposit of $100.00 shall be in the form of a cheque refundable only to all unsuccessful tenderers upon the receipt of a bona fide tender.

### TENDER No. 32/1981

TENDERS will be received by the Tenders Board, Bandar Seri Begawan, Brunei from the Registered Electrical Wiring Contractors, Class 'A', 'B' and 'C' up to 12.00 noon on Tuesday, 23rd June, 1981 for the following:—

ELECTRICAL INSTALLATION FOR EXTENSION TO EXAMINER'S OFFICE AT LAND TRANSPORT DEPARTMENT, JALAN GADONG (PHASE 4)

Tender documents may be obtained from the office of the Chief Electrical Engineer, Bandar Seri Begawan.

The tender documents to be placed in a plain envelope addressed to the Tenders Board. The envelope to be clearly marked : —

"TENDER FOR THE ELECTRICAL INSTALLATION FOR EXTENSION TO EXAMINER'S OFFICE AT LAND TRANSPORT DEPARTMENT, JALAN GADONG (PHASE 4)."

Tender deposit of $100.00 shall be in the form of a cheque refundable only to all unsuccessful tenderers upon the receipt of a bona fide tender.

## TENDER NOTICE

1. TENDERS are invited for the supply of the following Extinguishers to the Royal Brunei Malay Regiment, Berakas Garrison.

| | | |
|---|---|---|
| a. | BCF Fire Extinguisher 6lb | 100 |
| b. | BCF Fire Extinguisher 12lb | 100 |
| c. | Hose rubber-lined 1½" x 75' C/W light alloy couplings | 50 |
| d. | Hose rubber-lined 2½" x 75' C/W light alloy coupling | 50 |
| e. | Hydrant stand-pipe (light alloy) | 9 |
| f. | Hydrant turn-key (light alloy) | 9 |
| g. | Fire Extinguisher hydraulic pressure test kit | 4 |
| h. | Diffuser nozzel (light alloy) | 7 |
| i. | Dry powder Fire Extinguisher 25lb | 10 |
| j. | Hydrant water flow gauge | 1 |
| l. | 4" suction hose washer | 50 |
| k. | 2½" Fire Hose washer | 200 |
| m. | One-piece close proximity aluminised asbestos fire fighting suit | |
| | Size Samal | 3 |
| | Size Medium | 10 |
| | Size Large | 5 |
| n. | Glass fibre polyester resin helmet complete with aluminised asbestos shirt to match above suit | 18 |
| o. | Aluminised asbestos gauntlets to match above | 18 |
| p. | Crash fire fighting protective boots in chrome leather dyed blue (RAF pattern) Size 5 | 2 |
| | Size 6 | 6 |
| | Size 7 | 8 |
| | Size 8 | 2 |

3. The tender should state price and delivery time.
4. Tenders will be received by the Chairman, Tenders Board at the office of the State Financial Officer, Ground Floor, Secretariat Building, Bandar Seri Begawan, Brunei from specialist contractor up to 4.00 p.m. Saturday 20th June 1981.
5. Tenders must be submitted in a sealed envelope bearing no indication of the name of the tenderers and shall be marked clearly "TENDER FOR THE SUPPLY OF FIRE EXTINGUISHERS TO ROYAL BRUNEI MALAY REGIMENT."
6. The successful tenderers is reminded that the item tendered is subject for Custom Duty.
7. The Government of Brunei does not bind itself to accept the lowest of any tender.

## PUBLIC WORKS DEPT. TENDER NOTICE

### No. 62 OF 1981

TENDERS will be received from Class "B" Hauling contractor only and above P.W.D. Brunei registered contractors by Tenders Boards, Brunei up to 12.00 noon on 23rd June, 1981 for : —

THE SUPPLY AND DELIVERY OF EARTH-FILL TO EXISTING JALAN SEMBATANG SANTOL, OFF MILE 23 JALAN TUTONG, TUTONG DISTRICT.

Tender documents and all particulars may be seen at the Office of Public Works Department, Bandar Seri Begawan, Brunei.

## TENDER KANTIN PUSAT BELIA/ KOLAM BERENANG BANDAR SERI BEGAWAN, BRUNEI

TAWARAN2 ada-lah di-pelawa untok menyewa bagi pengurusan sa-buah kantin di-Bangunan Pusat Belia, dan Kolam Berenang Bandar Seri Begawan, Brunei dengan sharat2 berikut:—

1. Tawaran ini ada-lah untok tempoh 2 tahun mulai 1hb Ogos 1981 hingga 31hb Julai 1983. Pemohon2 di-kehendaki menyatakan tawaran sewa-nya bagi satu bulan dengan menulis angka dan di-ikuti dengan perkataan.
2. Pemohon2 yang berjaya hendak-lah terlebeh dahulu membayar sewa pendahuluan sa-lama 3 bulan dan berikut-nya tiap2 bulan.
3. Pemborong2 yang berjaya sama sekali tidak di-benarkan menyewakan semula kapada orang lain dan jika di-dapati berbuat demikian kebenaran-nya di-batalkan.
4. Pemborong2 ada-lah bertanggong-jawab di-atas kebersehan dan keselamatan kawasan dan alat2 perkakas kantin ini.
5. Kantin ini di-buka dari jam 7.30 pagi hingga 10.30 malam bagi kantin Pusat Belia, dan hingga 9.30 malam bagi kantin Kolam Berenang.
6. Barang2 minuman dan makanan yang di-jual hendak-lah halal di-sisi Ugama Islam.
7. Pemborong2 yang berjaya hendak-lah menyediakan bilangan pelayan2 yang chukop dan mereka ini hendak-lah berpakaian kemas, dan hendak-lah sentiasa bersopan santun dan hormat kapada pelanggan.
8. Pemborong2 yang tidak mengikuti sharat2 ini akan di-ambil tindakan tegas oleh Jabatan Kebajikan, Belia dan Sokan.
9. Pemborong2 hendak-lah terlebeh dahulu membayar wang chagaran (deposit) sa-banyak $50.00 (lima puloh ringgit sahaja) tiap2 sa-buah kantin, ka-Pejabat Perbendaharaan dan wang chagaran (deposit) ini akan di-kembalikan kapada semua penawar2 yang tidak berjaya dengan sharat mereka2 ini mengembalikan resit asal-nya ka-Pejabat Perbendaharaan.
10. Segala tawaran hendak-lah di-alamatkan di-luar sampul surat kapada :—
    (a) TENDER KANTIN PUSAT BELIA.
    (b) TENDER KANTIN KOLAM BERENANG.
    Dan jangan menaroh nama pengirim, sampul itu mesti-lah di-seal dan di-masokan ka-peti Tender yang di-sediakan di-Pejabat Perbendaharaan, Bandar Seri Begawan, Brunei sa-belum jam 12.00 tengah hari pada hari Isnin 20hb Jun, 1981.
11. Kerajaan Brunei tidak terikat untok menerima tawaran yang paling tinggi atau sebarang tawaran.

